

**IMPAK LIMPAHAN PEMBANGUNAN FIZIKAL
TERHADAP SOSIO-EKONOMI MASYARAKAT:
KAJIAN KES DI KUALA TERENGGANU**

**SITI NORAINI BINTI MISKAN
SM EKONOMI (SUMBER ALAM)**

**KERTAS PROJEK INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA MUDA EKONOMI (SUMBER ALAM)**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

2009

PENGAKUAN

Saya akui Projek Ilmiah Tahun Akhir II (EKN 4399A/B) ini adalah hasil kajian saya sendiri kecuali sumber – sumber lain yang telah saya jelaskan rujukannya melalui senarai rujukan yang telah dilampirkan.

30 APRIL 2009



.....
SITI NORAINI BINTI MISKAN
UK12967

DECLARATION

I hereby declare that this Project Ilmiah Tahun Akhir II (EKN 4399A/B) is the result of my own investigation and findings, except where otherwise stated other sources are acknowledged by giving explicit references is appended.

30 APRIL 2009



.....
SITI NORAINI BINTI MISKAN
UK12967

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah kurnia dan izinNya, Projek Ilmiah Tahun Akhir II (EKN4399A/B) ini telah berjaya disempurnakan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat semasa saya menjalani kursus EKN4399A/B ini terutamanya kepada En.Mohd Nasir Bin Nawawi selaku penyelia dan pensyarah yang telah banyak memberikan bimbingan dan tunjuk ajar dalam menjalani dan menyediakan Projek Ilmiah Tahun Akhir II ini.

Terima kasih di atas layanan mesra, tunjuk ajar dan kerjasama yang diberikan daripada semua pensyarah dan warga kerja Universiti Malaysia Terengganu (UMT), segala nasihat dan panduan yang diberikan akan saya semat dan amalkan semasa di alam pekerjaan kelak.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada keluarga yang disayangi dan rakan-rakan kerana membantu, memahami dan memberi sokongan padu dalam menjayakan Projek Ilmiah Tahun Akhir II ini.

Sekian terima kasih.

Siti Noraini Binti Miskan
30 Sri Kemang,
Parit Yusof Darat,
83610Muar,
Johor.

Tel: 017-9411880

E-mail: ain_worldrock@yahoo.com.my

ABSTRAK

Penyelidikan ini lebih memfokuskan kepada penyelidikan untuk melihat sejauhmana impak limpahan pembangunan fizikal di Kuala Terengganu terhadap sosioekonomi masyarakatnya. Kajian ini dilakukan menggunakan data sekunder iaitu soal selidik responden seramai 200 orang penduduk sekitar Kuala Terengganu sahaja dan penganalisaan dilakukan menggunakan kaedah diskriptif dan pengujian model binomial logit. Hasil kajian menunjukkan bahawa dengan adanya pembangunan projek-projek di Kuala Terengganu ini akan memberi impak limpahan pembangunan terhadap sosioekonomi penduduk setempat. Hal ini dibuktikan dengan hasil kajian yang diperolehi iaitu majoriti masyarakat secara umumnya mengatakan bahawa menerima limpahan daripada pembangunan fizikal tersebut. Dari segi persepsi masyarakat mengatakan bahawa adanya peluang perniagaan dan peningkatan infrastruktur menunjukkan projek-projek pembangunan di Kuala Terengganu memberi impak limpahan kepada responden sekaligus kepada masyarakat. Dapatan dalam kajian ini sekaligus dapat memperlihatkan terdapatnya kelemahan perancangan pembangunan di Kuala Terengganu dalam mengintegrasikan hubungan pembangunan projek-projek bagi peningkatan sosioekonomi masyarakat yang lebih baik. Berdasarkan daripada hasil penyelidikan ini pihak yang terlibat haruslah memfokuskan perancangan pembangunan projek-projek fizikal agar diteliti dan disemak semula kearah strategi pembangunan yang lebih menyeluruh.

Kata Kunci : Impak Pembangunan Fizikal, Kaedah Binomial Logit.

ABSTRACT

This research more focused on research to see as far as overflow impact physical development in Kuala Terengganu on his society ' socio-economic. This study is made by using secondary data namely respondent questionnaire as many as 200 surrounding residents of Kuala Terengganu only and analysis carried out method by using model descriptive and testing binomial logit. Result research showed that with development projects in Kuala Terengganu they will give impact overflow of development on local socio-economic. This case is proven with survey results achieved namely society majority generally say that they received overflow of that physical development. From community's perception aspect there business opportunity and infrastructure enhancement which showed development projects in Kuala Terengganu give impact overflow to respondent and society. Finding show availability development planning weakness in Kuala Terengganu in integrating development projects relationship of better society ' socio-economic improvement. Based on of this research output involved party must focus physical projects development planning so that scrutinized and revised direction more inclusive development strategy.

Keyword : Physical Development Impact, Binomial Method Logit.

ISI KANDUNGAN	HALAMAN
PENGAKUAN	i
PENHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
SENARAI KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	viii
SENARAI NAMA SINGKATAN	ix
BAB 1	
Pengenalan	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Sejarah Awal Terengganu	3
1.2.1 Latar Belakang Geografi	3
1.2.2 Latar Belakang Ekonomi Terengganu Dahulu	4
1.2.3 Latar Belakang Sosial	4
1.2.4 Latar Belakang Politik Dan Kepimpinan	5
1.3 Senario Pembangunan Di Malaysia	6
1.4 Senario Pembangunan Di Terengganu	6
1.5 Rancangan Pembangunan Di Terengganu	8
1.5.1 Kemajuan Pelaksanaan Projek Pembangunan Fizikal Rancangan Malaysia Kesembilan.	8
1.6 Projek Pembangunan Fizikal Di Terengganu	11
1.6.1 Pembinaan Akademik Pelayaran Kebangsaan Malaysia	11
1.6.2 Pembesaran Lapangan Terbang Sultan Mahmud	11
1.6.3 Pengubahsuaian Masjid Zainal Abidin	12
1.6.4 Projek Lebuhraya Pantai Timur (Fasa II)	12
1.6.5 Taman Tamadun Islam	13
1.6.6 Kompleks Sukan Negeri, Gong Badak	13
1.6.7 Pusat Bahasa Terengganu	13
1.7 Permasalahan Kajian	14
1.8 Objektif Kajian	20
1.8.1 Objektif Umum	20
1.8.2 Objektif Khusus	20
1.9 Skop Kajian	21
1.10 Metodologi Kajian	23
1.11 Kepentingan Kajian	23

**BAB II
KONSEP DAN PENGUKURAN IMPAK LIMPAHAN PEMBANGUNAN
FIZIKAL**

2.1	PENGENALAN	25
2.2	Limpahan Pembangunan Di Kawasan Bandar	26
2.3	Limpahan Pembangunan Di Kawasan Pinggir Bandar	26
2.4	Kajian Mengenai Punca dan Kesan Limpahan Pembangunan dan Pemandaran	26
2.5	Ulasan Kajian	27

**BAB III
METODOLOGI KAJIAN**

3.1	PENGENALAN	34
3.2	DATA KAJIAN	35
	3.2.1 Data Primer	35
	3.2.2 Data Sekunder	36
3.3	HIPOTESIS KAJIAN	37
3.4	KERANGKA MODEL KAJIAN/ANALISIS KAJIAN	38

**BAB IV
ANALISIS HASIL KAJIAN**

4.1	PENGENALAN	41
4.2	ANALISIS DESKRIPTIF	42
	4.2.1 BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG RESPONDEN	42
	4.2.2 BAHAGIAN B : PENGLIBATAN RESPONDEN DAN ISI RUMAH	45
	4.2.3 BAHAGIAN C: PENDAPAT MASYARAKAT TERHADAP PEMBANGUNAN FIZIKAL	53
	4.2.4 BAHAGIAN D : IMPAK PEMBANGUNAN FIZIKAL TERRHADAP MASYARAKAT MENGIKUT PROJEK	56
4.3	HASIL KAJIAN MODEL BINOMIAL LOGIT	59

**BAB V
KESIMPULAN**

5.1	PENGENALAN	66
5.2	PENEMUAN KAJIAN	67
5.3	SUMBANGAN PENYELIDIKAN DAN IMPLIKASINYA KEATAS PELAKSANAAN PEMBANGUNAN DI KUALA TERENGGANU	69
5.5	CADANGAN	70

**RUJUKAN
LAMPIRAN**

SENARAI JADUAL**HALAMAN**

Jadual 1.1: Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Di Bawah RMKe-9	9
Jadual 1.2: Status Pelaksanaan Projek RMKe-8 Dan RMKe-9 Setakat 31 Disember 2006	10
Jadual 1.3: Bilangan Projek, Pelaburan Dan Pekerjaan Mengikut Industri 2006	16
Jadual 1.4: Penender Yang Dipilih Oleh Lembaga Tender Negeri Mengikut Perakuan Daripada JKR	17
Jadual 1.5: Kadar Kemiskinan Di Terengganu	18
Jadual 1.6: Kualiti Hidup Di Malaysia	19
Jadual 4.1: Ciri Demografi Responden	42
Jadual 4.2: Penglibatan Responden Dalam Pembangunan Fizikal Mengikut Bidang Pekerjaan Dan Projek	48
Jadual 4.3: Penglibatan Keluarga Dalam Pembangunan Fizikal Mengikut Bidang Pekerjaan Dan Projek	50
Jadual 4.4: Jadual Klasifikasi Regresi Logistik Impak Limpahan Pembangunan Fizikal Terhadap Sosio-ekonomi Kuala Terengganu (N=200)	60
Jadual 4.5: Jadual Hasil Keputusan Regresi Logistik Binomial	61

SENARAI RAJAH**HALAMAN**

Rajah 4.1 : Taburan Responden Mengikut Jenis Pekerjaan	44
Rajah 4.2 : Taburan Responden Mengikut Penempatan Yang Berdekatan Dengan Projek	46
Rajah 4.3 : Taburan Responden Dalam Penglibatan Pembangunan Fizikal Secara Langsung	47
Rajah 4.4 : Penglibatan Isi Rumah Dalam Penglibatan Pembangunan Fizikal Secara Langsung	49
Rajah 4.5 : Kesan Pembangunan Secara Tidak Langsung Kepada Responden	51
Rajah 4.6 : Pendapat Masyarakat Terhadap Pembangunan Fizikal	53
Rajah 4.7 : Keputusan Responden Terhadap Penerimaan Impak Limpahan Pembangunan Fizikal	55
Rajah 4.8 : Impak Pembangunan Fizikal Terhadap Masyarakat Bagi Projek Lapangan Terbang Sultan Mahmud	56
Rajah 4.9 : Impak Pembangunan Fizikal Terhadap Masyarakat Bagi Projek Taman Tamadun Islam	57
Rajah 4.10: Impak Pembangunan Fizikal Terhadap Masyarakat Bagi Projek Kompleks Sukan Negeri, Gong Badak	58

SENARAI NAMA SINGKATAN

UMT	Universiti Malaysia Terengganu
UDM	Universiti Darul Iman
KDNK	Kadar Dalam negara Kasar
UPENT	Unit Perancang Ekonomi Terengganu
RFN	Rancangan Fizikal Negara,
RSN	Rancangan Struktur Negeri
RTD	Rancangan Tempatan Daerah
RD	Rancangan Daerah
RS	Rancangan Struktur
RT	Rancangan Tempatan
RMKe-9	Rancangan Malaysia Kesembilan
DUN	Dewan Undangan Negeri
ECER	Pembangunan Ekonomi Wilayah Timur
IPTA	Institute Pendidikan Tinggi Awam
IPTS	Institute Pendidikan Tinggi Swasta
LTSM	Lapangan Terbang Sultan Mahmud
MZA	Masjid Zainal Abidin
TTI	Taman Tamadun Islam
KSN	Kompleks Sukan Negeri Gong Badak
APKM	Akademik Pelayaran Kebangsaan Malaysia
PBT	Pusat Bahasa Terengganu
PNT	Perpustakaan Negeri Terengganu
SPSS	Statistical Package For The School Science
GIS	Sistem Maklumat Geografi

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Isu pembangunan merupakan isu yang hangat diperkatakan akhir-akhir ini. Pembangunan yang pesat telah dijalankan di setiap negeri-negeri di Malaysia samada peringkat bandar, daerah atau luar bandar. Pembangunan dilihat semakin pesat seperti Johor, Selangor dan tidak ketinggalan negeri Terengganu. Dahulunya dikatakan negeri Terengganu merupakan sebuah negeri yang terpinggir dari arus pembangunan dan dikaitkan dengan kemiskinan, namun masih wujudkah keadaan ini? Sejak kemunculan pembangunan fizikal seperti “cendawan selepas hujan” adakah ia dapat memberikan impak terhadap sosio-ekonomi masyarakat negeri Terengganu?

Dari segi geografi, negeri Terengganu terletak di Pantai Timur Semenanjung Malaysia dengan keluasan sebanyak 12,955 kilometer persegi atau 1,295,512.1 hektar dan pantai sepanjang 244 kilometer. Terengganu merupakan kira-kira 3.9 peratus daripada keluasan negara. Di bahagian utara dan barat laut ia bersempadan dengan Pahang. Matlamat pembangunan Terengganu telah dibahagikan kepada dua peringkat. Peringkat pertama ialah penyempurnaan aspek-aspek kerohanian rakyatnya. Manakala peringkat kedua ialah penyempurnaan aspek-aspek prasarana asas negeri. Justeru, dalam melaksanakan agenda pembangunan, kerajaan negeri berwawasan untuk membentuk sebuah masyarakat bertamadun pada tahun 2010. Terengganu mempunyai tujuh daerah antaranya adalah Besut, Dungun, Hulu Terengganu, Kemaman, Kuala Terengganu, Marang dan Setiu.

Namun dalam penyelidikan ini lebih memfokuskan kawasan kajian kes di daerah Kuala Terengganu. Kuala Terengganu terletak di pesisiran Laut China Selatan di Timur dan bersempadanan daerah-daerah Marang, Setiu, dan Hulu Terengganu.

Kuala Terengganu ialah daerah yang mempunyai ramai penduduk di negeri Terengganu dengan melebihi satu pertiga daripada jumlah keseluruhan penduduknya. Agenda pembangunan daerah Kuala Terengganu telah dimulakan dengan tumpuan kepada penyempurnaan kemudahan prasarana untuk menyokong sektor perkhidmatan menyediakan kemudahan selengkapnya di pusat pentadbiran negeri.

Dalam pengertian yang mudah, pembangunan bererti suatu kebaikan yang membawa kepada kualiti kehidupan yang lebih baik kepada individu dan masyarakat. Ianya merupakan suatu proses menuju kearah pertumbuhan yang dapat mengubah keadaan atau situasi. Pembangunan juga selalunya dilihat sebagai satu fenomena ekonomi namun ianya bukan sahaja terbatas kepada hal-hal ekonomi, tetapi juga meliputi semua bidang kehidupan sosial dan masyarakat. Menurut Maimunah Ismail (1989), pembangunan adalah satu proses perubahan yang berlaku secara berterusan dan menyeluruh, merangkumi unsur-unsur seperti pembangunan ekonomi, sosial dan kemanusiaan.

Kegiatan sosio-ekonomi pula dapat ditakrifkan sebagai kegiatan yang melibatkan masyarakat dalam bidang ekonomi meliputi faktor-faktor ekonomi dan kemasyarakatan. Tujuan utama kegiatan sosio-ekonomi dijalankan adalah untuk memenuhi keperluan semasa masyarakat juga sebagai sumber pendapatan. Pada dasarnya, kebanyakan kegiatan pembangunan fizikal memberi kesan terhadap sosio-ekonomi masyarakat. Kegiatan-kegiatan ini mungkin memberikan kesan yang ketara atau kurang ketara sama ada secara langsung atau tidak langsung.

1.2 LATAR BELAKANG SEJARAH AWAL TERENGGANU

Umumnya Terengganu dikenali sebagai sebuah negeri yang menghasilkan minyak dan merupakan bumi pendaratan penyu. Selain kemasyhuran keropok lekor, nasi dagang dan batik, tidak banyak yang diketahui tentang negeri ini. Pertamanya, kerana bahan penulisan dari segi buku dan artikel tentang negeri Terengganu agak terhad bilangannya. Keduanya, arus pembangunan sentiasa tertumpu ke negeri-negeri pantai barat dan perkara ini telah berlaku sejak zaman Inggeris lagi kerana Terengganu tidak dilihat sebagai mempunyai apa-apa kepentingan ekonomi. Perhatian kurang diberi ke negeri-negeri pantai timur. Sungguhpun demikian beberapa fakta tentang latar belakang Terengganu dari segi geografi dan sejarah ekonomi, sosial dan politik perlu diketahui sebelum perbincangan dan penyelidikan tentang pembangunan fizikal dibuat lebih lanjut. Antara latar belakang asas yang dikira penting adalah seperti berikut:

1.2.1 Latar Belakang Geografi

Keluasan Terengganu ialah 12,995 km persegi dengan Hulu Terengganu daerah yang paling luas diikuti Dungun, Kemaman, Setiu, Besut, Marang dan Kuala Terengganu mengikut urutan serta panjang pantainya ialah 244 km. Dahulunya dari segi gunatanah, 60 peratus dari kawasannya diliputi hutan, 22 peratus pertanian dan 0.25 peratus untuk industri. Tanaman utama ialah kelapa sawit, getah, padi, buah-buahan dan lain-lain. Terengganu memiliki pelabuhan yang terdalam di Malaysia terletak di Teluk Kalong, Kemaman. Di samping itu, juga memiliki perairan pantai yang dihiasi beberapa pulau dan yang terkenal termasuk Redang, Perhentian, Gemia, Tenggol, Tasik buatan manusia yang terbesar di Asia ialah Tasik Kenyir yang memiliki 400 pulau darat di Tasik Kenyir.

1.2.2 Latar Belakang Ekonomi Terengganu Dahulu

Terengganu dahulunya dikenali sebagai sebuah pusat perdagangan yang masyhur di rantau Asia Tenggara. Mengikut catatan Ptolemy, seorang ahli geografi dan astronomi Greek, terdapat dua buah pelabuhan yang terkenal di timur sebelum kurun ke-7 Masihi lagi iaitu “Perimula” iaitu Kuala Terengganu dan “Kole” iaitu Kemaman. Disamping itu, catatan seorang pedagang China yang bernama Ling Wai Taita turut merakamkan nama “FoLoan” iaitu Kuala Berang sebagai pusat pelabuhan teragung di Tenggara Asia yang membuat perdagangan dengan kerajaan Srivijaya dan Indo China. Negeri Terengganu adalah negeri yang termundur di Malaysia pada satu ketika. Kadar kemiskinan pada tahun 1978 ialah 68.2 peratus, tahun 1996 adalah 12.4 peratus dan sasaran sifar peratus pada 2008. Hasil utama Terengganu sebelum penemuan minyak ialah pertanian dan perikanan serta hasil hutan. Hasil utama Terengganu pada 1996 ialah perlombongan dan kuari iaitu 53.1 peratus penyumbang kepada KDNK negara serta pembuatan, pertanian dan perhutanan.

1.2.3 Latar Belakang Sosial

Terengganu adalah merupakan di antara empat negeri di Malaysia yang penduduknya kurang dari satu juta. Anggaran penduduk ialah 904,965 orang pada tahun 1996. 95 peratus daripadanya penduduk beragama Islam. Latar belakang agamanya cukup kuat dan terdapat lebih 450 buah masjid serta ribuan surau serta madrasah. Akibat kemiskinan yang diwarisi sejak zaman penjajah, taraf kemudahan asas seperti pendidikan dan kesihatan cukup lemah. Kadar kematian bayi pada tahun 1980 ialah 30 kematian bagi setiap seribu kelahiran, namun pada tahun 1995 angka telah menurun kepada 10.4 per seribu (*UPENT*). Faktor kemiskinan dan kurangnya pendedahan menyebabkan ramai ibu mengandung takut ke hospital sehingga mengakibatkan kesihatan ibu yang mengandung dan anak dalam kandungan terjejas. Tiada sebuah perpustakaan pada tahun 1974 juga penyumbang kepada kadar kemiskinan. Kemiskinan juga menyebabkan rakyat negeri mengalami rasa rendah diri “inferiority complex” yang

agak serius berbanding negeri lain. Lebih 62 peratus daripada penduduk adalah mereka yang berumur 24 tahun ke bawah bagi tahun 1995. Kegiatan utama masyarakat Terengganu ialah pertanian, penternakan dan perikanan. Lebih 20.6 peratus dari gunatenaga bekerja dalam sektor pertanian dan perikanan yang menyumbang hanya 7.9 peratus kepada KDNK negeri (*UPENT, Laporan Ekonomi 1996/1997*). Orang Terengganu zaman dahulu pada asalnya merupakan pedagang yang cekap, pengembara yang berani dan pembuat kapal yang mahir. Mereka sebenarnya menguasai industri maritim sehinggalah kurun ke-19 Masihi. Institusi amat berpengaruh di kalangan masyarakat pada zaman dahulu sehingga dilihat mampu menyelesaikan semua permasalahan masyarakat di zaman itu. Institusi pondok juga telah melahirkan beberapa ulama awal seperti Tok Ku Paloh, Tok Guru Haji Abas, Haji Wan Abdul Latif dan Haji Mat Shafie dan lain-lain.

1.2.4 Latar Belakang Politik Dan Kepimpinan

Batu Bersurat Terengganu yang mencatatkan tarikh 1303 Masihi ditemui di Kampung Sungai Buloh, Kuala Berang pada tahun 1887. Ianya melambangkan bahawa Terengganu adalah penerima terawal agama Islam di Malaysia dan nusantara. Dari segi kepimpinan negeri Terengganu dipimpin oleh Y.A.B Tan Sri Haji Wan Mokhtar Ahmad yang telah menjadi Menteri Besar sejak tahun 1974, sekaligus mencatatkan rekod sebagai Menteri Besar yang paling lama di Malaysia. Selain Barisan Nasional, negeri Terengganu pernah dikuasai oleh PAS buat seketika (1959-1961). “Politik Kepartian” dan “Politik Kekampungan” agak kuat mempengaruhi budaya hidup masyarakat Terengganu. Oleh kerana majoriti penduduknya beragama Islam, maka bahan utama politik Terengganu ialah Islam.

Berdasarkan kepada latar belakang sejarah dan sosio-ekonomi rakyat Terengganu, maka adalah jelas program pembangunan negeri perlu mengikut urutan-urutan keutamaan tertentu.

1.3 SENARIO PEMBANGUNAN DI MALAYSIA

Di negara-negara yang pesat membangun seperti Malaysia, limpahan pembangunan berlaku dalam wilayah metropolitan di bandar-bandar besar. Pembangunan ini diberi tumpuan khusus dalam pembangunan wilayah dan pembangunan negara. Ini merupakan usaha kerajaan bagi memanfaatkan sumber-sumber dan kemudahan bandar, menyediakan kepelbagaian peluang-peluang pekerjaan, dan memenuhi permintaan tempat tinggal kesan daripada peningkatan jumlah penduduk kawasan bandar. Pembangunan fizikal ini diberi tumpuan melalui pembentukan strategi dan pelan-pelan perancangan di peringkat makro dan mikro seperti dalam Rancangan Fizikal Negara (RFN), Rancangan Struktur Negeri (RSN), dan Rancangan Tempatan Daerah (RTD).

Kemajuan menyeluruh ekonomi negara turut dilihat daripada peningkatan kualiti hidup penduduk di peringkat negeri. Ini adalah hasil daripada pelbagai strategi yang dilaksanakan di peringkat pusat dan negeri. Strategi pembangunan seimbang yang dilaksanakan oleh kerajaan di bawah Dasar Pembangunan Nasional (1991-2000) turut menyumbang ke arah pencapaian objektif mengurangkan kemiskinan dan meningkatkan agihan pendapatan di samping meningkatkan kualiti hidup di peringkat negeri. Dasar Wawasan Negara (2001-2010) terus menekankan kepada strategi pembangunan seimbang dengan meningkatkan usaha mempelbagaikan asas ekonomi negeri-negeri yang berkembang perlahan kepada sektor pembuatan dan perkhidmatan. Bagi melengkapkan usaha ini, Kerajaan negeri juga turut melaksanakan dasar dan strategi masing-masing untuk meningkatkan kualiti hidup penduduknya.

1.4 SENARIO PEMBANGUNAN DI TERENGGANU

Pembangunan boleh didefinisikan sebagai sebarang pemajuan tanah yang melibatkan aktiviti pembinaan infrastruktur dan apa-apa struktur serta sebarang perbuatan yang berkaitan atau mengganggu keadaan semulajadi tanah. Tidak dapat dinafikan bahawa negeri Terengganu telah mengalami pembangunan yang pesat sejak tahun 1981.

Program-program dan projek-projek pembangunan telah banyak dilaksanakan oleh kerajaan negeri untuk meningkatkan mutu dan taraf hidup rakyatnya. Kemajuan negeri telah berlipat ganda sejak petroleum dijumpai pada tahun 1976 di pesisiran pantai Terengganu. Royalti petroleum yang mula diterima pada tahun 1978 telah memberi kesempatan kepada kerajaan negeri untuk merangka projek-projek dan program-program pembangunan yang khusus kepada keperluan dan kehendak persekitaran tempatan. Justeru, perubahan yang ketara telah dirasai oleh setiap lapisan masyarakat berbanding tahun 70-an. Prasarana asas sosial, fizikal dan ekonomi berjaya dibangunkan bagi memenuhi kehendak rakyat dan juga keperluan aktiviti-aktiviti ekonomi negeri. Di samping itu, aktiviti-aktiviti pembangunan telah menjana pertumbuhan ekonomi negeri. Agenda pembangunan negeri telah bermula pada tahun 1981 dan masih kencang menuju tahun 2010 walaupun dengan kekalutan ekonomi semasa. Melalui kejayaan yang telah dinikmati, kesinambungan agenda pembangunan masih perlu kerana matlamat kemajuan negeri Terengganu belum lagi tercapai. Justeru itu, usaha-usaha akan ditingkatkan lagi supaya perancangan pembangunan negeri dapat dikecapi pada jangka masa terawal. Hal ini kerana, matlamat akhir agenda pembangunan negeri ialah untuk menjadikan Terengganu sebuah negeri maju acuan sendiri pada tahun 2020.

Tempoh 25 tahun yang lepas, kerajaan Negeri Terengganu telah menjalankan pelbagai kajian rancangan pemajuan sebagai dasar dan arah tuju pembangunan negeri. Kajian Terengganu 'Coastal Region Study (1980)' dijalankan bertujuan untuk merangka strategi pembangunan kawasan pantai Terengganu memandangkan kawasan ini tidak termasuk di dalam pelan pembangunan KETENGAH yang dibangunkan oleh Kerajaan Persekutuan. Manakala 'Terengganu Master Plan Study (1983)' adalah pelan pemajuan yang komprehensif merangkumi aspek fizikal, ekonomi, sosial dan penyertaan kaum Bumiputera. Di samping itu, kerajaan negeri juga telah menyediakan beberapa kajian pemajuan seperti 'Terengganu Development Plan (1970)', 'KETENGAH Planning Study and Development (1974)', 'Terengganu River Basin Study (1980)', 'Kerteh Township Study (1980)', 'Paka-Jerangau Development Study

(1985)', 'South Terengganu Development Plan (1985)' dan 'KETENGAH Review (1987)'. Dengan pelaksanaan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), beberapa rancangan pemajuan seperti Rancangan Daerah (RD), Rancangan Struktur (RS) dan Rancangan Tempatan (RT) telah disediakan. Sehingga kini sebanyak lima RD, tujuh RS dan 10 RT telah disiapkan.

Rancangan-rancangan pemajuan tersebut bagaimanapun disediakan mengikut keperluan kawasan-kawasan atau aspek-aspek tertentu sahaja, iaitu tidak merangkumi keseluruhan negeri dan aspek-aspek kajian secara bersepadu. Rancangan Struktur (RS) ini merupakan satu kajian perancangan strategik bagi seluruh Negeri Terengganu untuk tempoh perancangan 2005-2020. Rancangan pemajuan ini mengandungi pernyataan dasar, strategi dan program serta projek pembangunan bagi mencapai Wawasan 2020 serta meletakkan Negeri Terengganu sebagai sebuah negeri maju menjelang tahun 2020.

1.5 RANCANGAN PEMBANGUNAN DI TERENGGANU

1.5.1 Kemajuan Pelaksanaan Projek Pembangunan Fizikal Rancangan Malaysia Kesembilan.

Bagi menjayakan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), sejumlah RM819.47 juta peruntukan telah diluluskan pada tahun 2006 kepada 16 jabatan atau pejabat bagi melaksanakan pelbagai projek pembangunan di Negeri Terengganu. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM564.43 juta atau 68.9 peratus telah dibelanjakan. Sebanyak 547 projek merupakan projek baru dan 119 projek pula adalah projek sambungan daripada projek di bawah RMKe-8. Prestasi perbelanjaan sehingga akhir tahun 2006 bagi setiap jabatan atau pejabat di bawah RMKe-9 adalah seperti di Jadual 1.1.

Jadual 1.1: Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Di Bawah RMKe-9

Bil.	Jabatan/ Pejabat	Peruntukan Diluluskan Tahun 2006 (RM Juta)	Perbelanjaan Sehingga 31.12.2006 (RM Juta)	Pencapaian (%)
1.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri	641.56	450.75	70.3
2.	Pejabat Kewangan Negeri	5.00	0.05	1.0
3.	Jabatan Kerja Raya	63.19	33.33	52.8
4.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	13.50	7.92	58.7
5.	Pejabat Daerah Besut	2.10	2.06	98.1
6.	Pejabat Daerah Dungun	2.13	2.06	96.7
7.	Pejabat Daerah Hulu Terengganu	2.00	1.84	92.0
8.	Pejabat Daerah Kemaman	2.00	1.88	94.0
9.	Pejabat Daerah Kuala Terengganu	8.09	7.50	92.7
10.	Pejabat Daerah Marang	2.19	2.12	96.8
11.	Pejabat Daerah Setiu	2.10	1.93	91.9
12.	Pejabat Tanah Dan Galian	30.00	28.02	93.4
13.	Jabatan Perhutanan	3.55	3.13	88.2
14.	Jabatan Perkhidmatan Haiwan	1.50	1.36	90.7
15.	Jabatan Pertanian	3.50	3.12	89.1
16.	Jabatan Bekalan Air	37.05	17.36	46.9
Jumlah		819.47	564.43	68.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

Jadual di atas juga memperlihatkan bahawa pembangunan amat diutamakan berdasarkan pengagihan bagi setiap jabatan dan mencatatkan belanja pembangunan yang tinggi. Melalui Laporan Separuh Penggal RMKe-9 melaporkan bahawa peruntukan yang disediakan sehingga tahun 2006 adalah untuk membiayai 666 projek, manakala 751 projek belum diberi peruntukan tetapi telah diluluskan untuk dilaksanakan dalam RMKe-9. Daripada 666 projek tersebut, semakan Audit mendapati 510 projek atau 78.1 peratus telah siap dilaksanakan sepenuhnya. Antara projek besar yang telah siap dilaksanakan ialah Masjid Sungai Ular, Masjid Kampung Manir, Masjid Batu Tujuh Dungun, menaik taraf Istana Terengganu di Kuala Lumpur dan Perumahan Awam Kos Rendah Kampung Mak Kemas. Manakala projek besar yang baru sahaja siap pelaksanaannya ialah Kompleks Sukan Negeri Terengganu, menaik taraf *Endurance Track* di Lembah Bidong dan Istana Terengganu di Cendering. Status pelaksanaan projek RMKe-9 adalah seperti di Jadual 1.2.

**Jadual 1.2: Status Pelaksanaan Projek RMKe-8 Dan RMKe-9 Setakat 31
Disember 2006**

Bil.	Pejabat/Jabatan	Bil. Projek		Status Pelaksanaan					
				Siap		Sedang Laksana		Belum Mula	
		RMKe-8	RMKe-9	RMKe-8	RMKe-9	RMKe-8	RMKe-9	RMKe-8	RMKe-9
1.	Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri	59	85	15	25	41	34	3	26
2.	Pejabat Kewangan Negeri	-	1	-	-	-	1	-	-
3.	Jabatan Kerja Raya	18	20	13	2	5	12	-	6
4.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	20	27	13	21	6	-	-	7
5.	Pejabat Daerah Besut	-	58	-	58	-	-	-	-
6.	Pejabat Daerah Dungun	-	48	-	48	-	-	-	-
7.	Pejabat Daerah Hulu Terengganu	-	48	-	48	-	-	-	-
8.	Pejabat Daerah Kemaman	-	25	-	25	-	-	-	-
9.	Pejabat Daerah Kuala Terengganu	-	152	-	150	-	-	-	2
10.	Pejabat Daerah Marang	-	24	-	24	-	-	-	-
11.	Pejabat Daerah Setiu	-	34	-	33	-	1	-	-
12.	Pejabat Tanah Dan Galian	1	-	1	-	-	-	-	-
13.	Jabatan Perhutanan	6	4	6	3	-	1	-	-
14.	Jabatan Perkhidmatan Haiwan	8	3	8	3	-	-	-	-
15.	Jabatan Pertanian	2	10	2	10	-	-	-	-
16.	Jabatan Bekalan Air	5	8	1	1	4	1	-	6
Jumlah		119	547	59	451	56	50	3	47
		666		510		106		50	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

Jadual 1.2 juga memperlihatkan bahawa berlaku peningkatan bilangan projek pembangunan daripada RMKe-8 kepada RMKe-9 seperti peningkatan tertinggi 152 projek bagi Pejabat Daerah Kuala Terengganu. Namun hanya 150 projek sahaja dapat di siap dalam RMKe-9 dimana terdapat dua projek yang masih belum dilaksanakan. Hal ini menunjukkan bahawa peningkatan projek di Kuala Terengganu ini memperlihatkan peningkatan pembangunan di negeri Terengganu. Selaras dengan mencapai Wawasan 2020 serta meletakkan negeri Terengganu sebagai sebuah negeri maju menjelang tahun 2020.

1.6 PROJEK PEMBANGUNAN FIZIKAL DI TERENGGANU

Pembangunan yang dilaksanakan di Terengganu kini lebih memfokuskan pembangunan fizikal seperti masjid, institusi pendidikan dan kompleks sukan. Hal ini kerana pembangunan fizikal yang terdapat di Terengganu pada tahap yang rendah kerana kurangnya kemajuan bagi pembangunan ini. Berbanding dengan negeri Johor, Selangor dan Kuala Lumpur yang merupakan negeri-negeri yang mempunyai pembangunan fizikal yang pesat.

1.6.1 Pembinaan Akademik Pelayaran Kebangsaan Malaysia

Rancangan pembangunan fizikal yang dilaksanakan di Terengganu kini antaranya ialah pembinaan Akademik Pelayaran Kebangsaan Malaysia di Pulau Duyong yang telah membelanjakan kos pembinaan sebanyak 20 Juta. Pelaksanaan pembinaan ini adalah bagi menganjurkan Kejohanan Monsoon Cup yang telah diadakan di Terengganu. Tempias dari penganjuran Monsoon Cup tersebut telah memperlihatkan perusahaan bot tradisional di Pulau Duyong semakin rancak serta pembinaan dan tempahan yang diperolehi juga semakin meningkat.

1.6.2 Pembesaran Lapangan Terbang Sultan Mahmud

Selain itu, pembesaran Lapangan Terbang Sultan Mahmud yang sedang dilaksanakan juga merupakan pembangunan fizikal yang terdapat di negeri ini. Hasil daripada pembesaran lapangan terbang tersebut dapat memudahkan pesawat besar seperti Boeing 747 dan Airbus A340 boleh mendarat disini. Di samping itu, membolehkan dinaik taraf menjadi lapangan terbang Antarabangsa untuk penerbangan terus ke luar Negara. Pelaksanaan pembesaran tersebut melibatkan kawasan seluas 128 ekar, termasuk memanjangkan landasan, pemasangan lampu pendaratan dan kawasan keselamatan penerangan.

1.6.3 Pengubahsuaian Masjid Zainal Abidin

Pembangunan fizikal lain juga seperti, pengubahsuaian Masjid Zainal Abidin. Pengubahsuaian dilakukan bagi memberikan keselesaan masyarakat. Kos pengubahsuaian masjid ini adalah hampir RM3.8 juta membabitkan pengubahsuaian tempat wuduk, pejabat, kubah dan struktur laluan hadapan bangunan.

Bagi pelaksanaan pembinaan masjid, sejumlah tujuh buah masjid baru dirancang untuk dibina di tujuh daerah dalam Negeri Terengganu bermula pada tahun 2001. Kerajaan Negeri Terengganu juga merancang membina sebuah masjid bagi setiap DUN pada setiap tahun bermula pada tahun 2005. Dengan cadangan tersebut adalah dijangkakan dalam tempoh lima tahun sebanyak 100 hingga 150 buah masjid baru akan dapat dibina bersandarkan kepada bilangan 32 DUN di Negeri Terengganu. Tujuan pembinaan masjid baru adalah untuk menggantikan masjid sedia ada yang usang, menampung pertambahan penduduk dan penempatan baru. Pada asasnya Jawatankuasa Pembinaan Masjid Negeri Terengganu yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Infrastruktur, Kemudahan Awam Dan Komunikasi Negeri Terengganu membuat keputusan iaitu kapasiti masjid yang akan dibina adalah bagi keperluan antara 500 hingga 750 dan 1,500 jemaah dengan siling peruntukan tidak melebihi RM2.50 juta.

1.6.4 Projek Lebuhraya Pantai Timur (Fasa II)

Projek Lebuhraya Pantai Timur (Fasa II) dari Kuantan ke Kuala Terengganu merupakan salah satu projek di bawah Rancangan Malaysia Kelapan dan dirancang bagi melengkapkan LPT Fasa 1 dari Karak ke Kuantan. Anggaran kos sebanyak RM 2.1 bilion dan dijangkakan siap dalam tempoh tiga tahun. LPT II merangkumi spesifikasi jalan empat lorong dua hala dengan reka bentuk bagi kelajuan 120 kilometer sejam.

1.6.5 Taman Tamadun Islam

Taman Tamadun Islam merupakan taman pelancongan bertaraf antarabangsa di Pulau Wan Man di muara Sungai Terengganu. Taman itu menempatkan sebuah taman tema yang akan memperlihatkan kehebatan seni bina Islam dengan pembinaan 21 buah replika monumen terkenal seluruh dunia, pusat pembelajaran, pusat kebudayaan dan Masjid Kristal dengan anggaran kos RM200 juta.

1.6.6 Kompleks Sukan Negeri, Gong Badak

Kompleks Sukan Negeri yang telah dibina di Gong Badak merupakan salah satu pembinaan pembangunan fizikal yang terdapat di negeri Terengganu. Dalam pembinaan tersebut telah dibina stadium utama yang membelanjakan kos sebanyak RM 200 juta, stadium tertutup pula dibina menggunakan kos sebanyak RM 160 juta serta pembinaan padang latihan.

1.6.7 Pusat Bahasa Terengganu

Pusat bahasa Terengganu telah dibina di kolej Seri Iman, Kuala Terengganu. Pusat ini diwujudkan dengan kos sebanyak RM 1.2 juta bagi membina dan membeli peralatan bertujuan untuk memastikan rakyat menguasai bahasa asing yang juga bahasa perantaraan global terutama Bahasa inggeris, Arab, Mandarin, Itali dan Perancis dengan baik.

1.7 PERMASALAHAN KAJIAN

Tahap pembangunan di Terengganu dijangka bertambah pesat berikutan pelancaran Pembangunan Ekonomi Wilayah Timur (ECER). Sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9), KDNK Negeri Terengganu dijangka tumbuh pada kadar purata 5.7 peratus. Tetapi dengan wujudnya ECER, KDNK negeri dijangka akan mengalami lonjakan sehingga 7.5 peratus pada tahun 2020. Kadar ini mengatasi unjuran kadar pertumbuhan KDNK nasional iaitu 6.3 peratus.

Dalam pembangunan ECER, negeri Terengganu telah dikenali sebagai Gerbang Kecemerlangan Pendidikan dan Pelancongan yang merupakan salah satu projek perdana pendidikan iaitu Taman Ilmu. Taman ilmu ini mempunyai tiga konsep utama iaitu konsep perkongsian kemudahan umum, pendidikan dan pelancongan serta integrasi di antara Islamisasi ilmu dengan kekayaan budaya. Tujuan pembangunan fizikal ini adalah bertujuan menjadi penjana belajar sepanjang hayat dan menjadi kecemerlangan pendidikan negeri Terengganu. Jabatan Perancang Bandar dan Desa Persekutuan telah membuat kajian Perbandaran Lestari dan telah meletakkan Bandar Kuala Terengganu di kedudukan yang ke-5 dari 14 buah bandar di Malaysia pada tahun 2006. Sekali lagi pada tahun 2007 negeri Terengganu mencatat sejarah apabila bandar Kemaman diumumkan antara 10 bandar mampan dari 39 bandar diseluruh Negara oleh Ketua Pengarah Jabatan Perancang Bandar dan Desa di Konvensyen Kebangsaan Hari Perancang Bandar Sedunia 2007.

Pada tanggal 1 Januari 2008, Kuala Terengganu telah diisytiharkan sebagai sebuah Bandaraya yang dikenali sebagai Bandaraya Warisan Pesisir Air. Pengukuran dari segi pembedaan ini adalah dari segi pembangunan yang telah dijalankan, perkhidmatan dan kemudahan, pengeluaran serta penggunaan dan sebagainya. Walaupun dapat menikmati corak penghidupan bandar di negara ini yang kian mencabar, namun akhir-akhir ini telah timbul pelbagai isu dan masalah yang melibatkan kualiti kehidupan sosial akibat daripada pembangunan bandar yang pesat. Antaranya

termasuk isu penyediaan kemudahan asas kepada penghuni bandar, isu penghijrahan penduduk desa dan pendatang asing, isu kemiskinan, isu penyediaan peluang pekerjaan, isu perumahan, pencemaran persekitaran, kesesakan lalu lintas, isu jenayah dan keselamatan penghuni serta keruntuhan moral. Terdapat pelbagai laporan dan berita tentang perilaku jenayah dan keganasan yang kian menjadi-jadi ketika ini. Antaranya termasuk serangan terhadap orang awam, serangan ketika sedang beriadah, perlakuan jenayah di tempat letak kenderaan, penculikan, rompakan, kes ragut, perkosaan, bersekedudukan, sumbang mahram, tidak termasuk lagi dengan pelbagai gejala dadah dan pelbagai kes kecurian.

Namun begitu banyak diperkatakan bahawa pembangunan yang berlaku di Terengganu adalah merupakan pembangunan fizikal. Oleh itu dalam penyelidikan yang dijalankan ini, adalah untuk melihat sejauhmana faedah limpahan pembangunan fizikal ini terhadap masyarakat Terengganu. Disamping itu mengenalpasti wujud limpahan pembangunan fizikal keatas sosioekonomi masyarakat.

Menerusi Jadual 1.3 dibawah dapat menunjukkan bilangan projek yang telah dilaksanakan serta anggaran pelaburan bagi setiap projek. Disamping itu melalui projek yang dilaksanakan dapat memberi anggaran peluang pekerjaan kepada penduduk sekeliling khususnya. Sebagai contoh projek yang berada di kawasan Wakaf Tapai yang memberikan anggaran peluang pekerjaan seramai 145 orang kepada penduduk setempat. Begitu juga kepada kawasan Gong Badak seramai 60 orang bagi anggaran peluang pekerjaan yang akan diberikan.

Jadual 1.3 : Bilangan Projek, Pelaburan Dan Pekerjaan Mengikut Industri 2006

Kawasan Industri	Bilangan Projek	Anggaran Pelaburan	Anggaran Pekerjaan
Jakar III	3	27,860,000	596
Teluk Kalong	17	3,046,072,000	2191
Wakaf Tapai	2	10,400,000	145
Batu 7	2	4,760,000	78
Bari (Setiu)	1	36,372,000	31
Batu Rakit	1	42,000,000	50
Bukit Kor (Marang)	2	6,800,000	182
Gong Badak	1	1,180,000	60
Cendering	1	1,090,000	27
Bukit Labohan (Kertih)	4	5,192,000	143
Jumlah	34	3,181,726,000	3503

(Sumber : Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia)

Berdasarkan daripada projek yang dilaksanakan seperti diatas akan memberikan serta menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat khususnya. Namun, sejauhmana pembangunan yang telah dijalankan oleh kerajaan ini dapat membantu dari segi sosio-ekonomi masyarakat setempat dari segi penyediaan peluang pekerjaan. Melalui anggaran peluang pekerjaan yang disediakan berdasarkan daripada kawasan industri ini menunjukkan bahawa impak daripada pembangunan ini dapat memberi pekerjaan kepada masyarakat. Namun adakah peluang pekerjaan ini memihak kepada masyarakat setempat atau lebih kepada pekerja buruh asing. Oleh itu kajian ini ingin melihat sejauhmana peluang pekerjaan dalam pembangunan ini. Melalui Jadual 1.3 juga memperlihatkan bahawa kawasan seperti Batu Rakit yang mencatatkan pelaburan yang tinggi sebanyak RM 42,000,000 bagi satu projek, namun menyediakan peluang pekerjaan yang sedikit iaitu sebanyak 50 pekerjaan. Hal ini dapat memperkukuhkan lagi bahawa dengan adanya pembangunan fizikal ini dapat menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat. Namun sejauhmana impak pembangunan fizikal ini dapat dirasakan oleh penduduk di Terengganu. Jika terdapat peluang pekerjaan bagi pembangunan tersebut maka akan mempengaruhi pendapatan perkapita penduduk setempat disamping memberi pengalaman dan pengetahuan kepada masyarakat negeri Terengganu.

Melalui pembangunan fizikal ini juga, dapat dilihat kesan-kesan yang dialami oleh penduduk setempat dapat menjalani kehidupan seharian. Sebagai contoh peluang pekerjaan yang diberikan dapat meningkatkan ekonomi penduduk dari segi pekerjaan, hasil dan pengetahuan. Contoh melalui pembangunan Akademik Pelayaran Kebangsaan Malaysia di Pulau Duyong yang baru-baru ini telah dilaksanakan satu pertandingan pelayaran Monson Cup yang telah meningkatkan pelancong dalam dan luar negara ke Terengganu sekaligus meningkatkan pendapatan negeri dan meningkatkan pendapatan serta peluang pekerjaan kepada penduduk Terengganu.

Jadual 1.4: Penender Yang Dipilih Oleh Lembaga Tender Negeri Mengikut Perakuan Daripada JKR

Bil.	Nama Projek (Masjid)	Kontraktor Ditawarkan	Tarikh Milik Tapak	Tarikh Siap Kerja /Tempoh Siap (Minggu)	Harga Disyorkan oleh JKR (RM Juta)	Harga Dipersetujui oleh Lembaga Tender Negeri (Kos Projek) (RM Juta)	Prestasi Kemajuan Kerja Sehingga Disember 2006 (%)
1.	Kampung Manir, Kuala Terengganu	Wirawan Sesma Sdn. Bhd.	15.8.2005	13.8.2006/ 52	2.01	2.01	100 (13.8.2006)
2.	Kampung Sungai Lerek, Setiu	Accomster Sdn. Bhd.	01.8.2005	23.4.2006/ 38	2.00	2.00	95.3
3.	Kampung Tok Gebok, Hulu Terengganu	Ariffin Enterprise Sdn. Bhd.	01.8.2005	12.3.2006/ 32	2.15	2.15	100 (08.6.2006)
4.	Kampung Padang Bual, Besut	Ramiah Abdul Rahman Sdn. Bhd.	01.8.2005	28.1.2007/ 78	2.39	2.39	100 (30.8.2006)
5.	Kampung Kubu, Marang	Pembinaan Kubang Palas Sdn. Bhd.	01.8.2005	05.11.2006/ 66	2.66	2.66	100 (15.8.2006)
6.	Kampung Paya Berenjut, Kemaman	Exxec Intergrated (M) Sdn. Bhd.	15.8.2005	03.12.2006/ 68	2.79	2.79	99.5
7.	Kampung Labohan, Kemaman	Rsc Construction Sdn. Bhd.	15.8.2005	11.2.2007/ 78	2.84	2.84	99.1
8.	Kampung Penarik, Setiu	Uli Enterprise Sdn. Bhd.	14.11.2005	09.7.2006/ 31 Projek Dana Yang Diambil Alih	1.64	1.64	94.5
Jumlah					18.48	18.48	

Sumber: Rekod Jabatan Kerja Raya Negeri Terengganu

Berdasarkan jadual 1.4 memperlihatkan bahawa pembangunan telah memberi peluang pekerjaan khususnya kepada kontraktor-kontraktor Malaysia. Jika tidak terdapatnya pembangunan maka tiadanya peluang pekerjaan kepada kontraktor. Maka dengan ini membuktikan bahawa pembangunan merupakan punca pendapatan kepada kontraktor-kontraktor.

Jadual 1.5: Kadar Kemiskinan Di Terengganu

TAHUN	TERENGGANU
1992	25.2
1999	14.9
2002	10.7
2007	3.6
2008*	0*

* sasaran akhir tahun

(Sumber: Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu)

Jadual 1.5 menerangkan bahawa data berkenaan kadar kemiskinan di Terengganu. Dapat dilihat bahawa kadar kemiskinan di Terengganu setiap tahun memperlihatkan penurunan peratus kadar kemiskinan sehingga dalam RMKe-9 mensasarkan pencapaian kadar kemiskinan sifar. Namun daripada penurunan tersebut, sejauhmana pembangunan fizikal di Terengganu ini mempengaruhi kadar kemiskinan penduduk setempat. Adakah dengan adanya pembangunan fizikal ini telah membantu serta menyumbang penurunan kadar kemiskinan? Maka penyelidikan ini dijalankan adalah untuk menjawab persoalan yang timbul bagi melihat sejauhmana pembangunan fizikal ini memberi impak kepada sosio-ekonomi penduduk Terengganu.

Jadual 1.6.: Kualiti Hidup Di Malaysia

	1970	1980	1990	2000	2007
Jangkaan Hayat : Lelaki	61.6	66.4	68.9	70.2	71.9
: Perempuan	65.6	70.5	73.5	75.0	76.4
Nisbah Penduduk/Doktor (bilangan)	3,874 ^c	3,563	2,533	1,504	1,214
Kadar Mortaliti Bayi (setiap ribu penduduk)	39.4	23.8	13.1	6.6	6.7
Kadar Celik Huruf (%) ^a	58.0	72.2	85.0	93.8	92.5 ^{b*}
Liputan Bekalan Elektrik (% daripada unit rumah)	43.7 ^c	64.4	80.0	89.5 ^d	93.3 ^{d*}
Liputan Bekalan Air Paip (% daripada unit rumah)	47.5 ^c	68.0	83.2	95.0	95.2 [*]
Telefon Talian Tetap & Selular (setiap ribu penduduk)	17	44	118	422	967
Langganan Internet (setiap ribu penduduk)	-	-	-	69	528

Note : ^a Peratusan yang boleh membaca dan menulis bagi penduduk berumur 10 tahun dan ke atas

^b Peratusan yang boleh membaca dan menulis bagi penduduk berumur 15 tahun dan ke atas

^c Data bagi Semenanjung Malaysia sahaja

^d Luar bandar sahaja

^e Peratus penduduk

^{*} Data tahun 2006

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia dan Kementerian Kewangan Malaysia

Melalui jadual 1.6 diatas menunjukkan data kualiti hidup di Malaysia. Data memperlihatkan perkaitan diantara kadar celik huruf dengan pembangunan fizikal. Ini dapat dijelaskan apabila terdapatnya pembangunan fizikal seharusnya kadar celik huruf meningkat. Sebagai contoh pembangunan Pusat Bahasa Terengganu dan IPTA serta IPTS yang terdapat di Terengganu dapat meningkatkan kadar celik huruf di Malaysia. Namun dapat dilihat kadar celik huruf menurun kepada 92.5 peratus berbanding 93.8 peratus pada tahun 2000. Hal ini dapat membuktikan bahawa dengan adanya pembangunan fizikal sekalipun tidak dapat memastikan peningkatan kadar kemiskinan di Malaysia. Oleh itu sejauhmana impak pembangunan fizikal ini terhadap sosio-ekonomi masyarakat dapat dilihat.

1.8 OBJEKTIF KAJIAN

Memang diketahui umum bahawa pembangunan fizikal dapat memberi impak kepada sosio-ekonomi sekaligus pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Hubungan positif ini wujud apabila kesejahteraan sesebuah masyarakat meningkat, dan secara tidak langsung taraf hidup masyarakat juga turut meningkat. Oleh itu pertumbuhan ekonomi negara juga akan turut meningkat. Justeru, kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk mengupas beberapa persoalan dan mengenalpasti kesan pembangunan fizikal keatas sosio-ekonomi penduduk di Kuala Terengganu. Dalam kajian ini, terdapat dua objektif yang dibentuk supaya memudahkan lagi penyelidikan. Objektif tersebut dibahagikan kepada dua bahagian iaitu secara umum dan secara khusus. Maka, objektif utama penyelidikan ini adalah untuk:

1.8.1 OBJEKTIF UMUM:

- 1) Mengkaji impak limpahan pembangunan fizikal terhadap sosioekonomi masyarakat di Terengganu.

1.8.2 OBJEKTIF KHUSUS :

- 1) Mengetahui sejauhmana limpahan pembangunan fizikal terhadap sosioekonomi masyarakat Terengganu.
- 2) Mengkaji impak positif dan negatif perubahan pembangunan fizikal keatas sosioekonomi masyarakat Terengganu.
- 3) Melihat persepsi masyarakat terhadap pelbagai pembangunan fizikal yang telah dijalankan.

1.9 SKOP KAJIAN

Skop kajian adalah tertumpu kepada kawasan Kuala Terengganu, Terengganu. Kuala Terengganu adalah bandar terbesar di negeri Terengganu dan merupakan ibu negeri dan pusat pentadbiran bagi kerajaan negeri. Lain-lain bandar utama adalah Marang, Chukai, Kerteh, Jertih, Kuala Berang, Permaisuri dan Dungun. Daerah Kuala Terengganu terletak di pesisiran Laut China Selatan di timur dan bersempadan daerah-daerah Marang, Setiu dan Hulu Terengganu. Daerah Kuala Terengganu mempunyai 23 mukim. Mukim terluas sekali adalah Belara iaitu seluas 21,523.2 hektar yang merangkumi sebanyak 35.6 peratus daripada keluasan daerah. Pulau-pulau yang terdapat di daerah ini adalah Pulau Redang, Pulau Lang Tengah dan Pulau Bidong. Penyelidikan ini dijalankan untuk mengkaji sejauhmana limpahan pembangunan fizikal terhadap sosio-ekonomi masyarakat di Kuala Terengganu. Sosio-ekonomi adalah salah satu tanda aras penting kejayaan tujuan pembangunan ekonomi negeri. Petunjuk-petunjuk kualiti kehidupan adalah salah satu kaedah yang paling berkesan bagi mengukur kejayaan program dan projek kerajaan. Oleh itu penyelidikan ini adalah untuk melihat bahawa pembangunan fizikal yang telah dilaksanakan dapat membantu serta memberi kemudahan terutamanya kepada masyarakat di Kuala Terengganu. Hal ini sekaligus, membantu kita mengetahui persepsi masyarakat berkenaan pembangunan yang telah dijalankan di Kuala Terengganu.

Melalui penyelidikan ini, tumpuan diberikan kepada masyarakat yang berada di lingkungan kawasan pembangunan fizikal di sekitar Kuala Terengganu sahaja. Sebagai contoh pembangunan fizikal yang telah dilakukan di kawasan Kuala Terengganu ialah Muzium Terengganu Malaysia, Sekolah Imtiaz Kuala Terengganu, Lapangan Terbang Sultan Mahmud, Masjid Zainal Abidin, Taman Tamadun Islam(TTI), Kompleks Sukan Negeri Gong Badak, Universiti Darul Iman Malaysia, Universiti Malaysia Terengganu serta pembangunan sekolah dan masjid. Oleh itu, melalui pembangunan yang telah dijalankan kita dapat menyelidik untuk mengetahui sejauhmana limpahan pembangunan

fizikal yang telah dijalankan ini memberi kesan kepada sosioekonomi masyarakat sekeliling.

Indikator pembangunan fizikal dikenalpasti sesuai dengan tema kajian pembangunan mampan dan rekabentuk bandar. Indikator-indikator ditentukan untuk membolehkan pengukuran dibuat semasa kajian dijalankan. Pengukuran akan dianalisis untuk melihat sejauh mana kawasan kajian mendapat impak daripada pembangunan fizikal. Analisis impak ke atas penduduk dibuat secara mengkaji variabel fizikal dan sosioekonomi.

Aspek Sosio-ekonomi

Jumlah indikator : 10 Indikator

- (i) Jenis pekerjaan
- (ii) Status pekerjaan
- (iii) Lokasi pekerjaan
- (iv) Pemilikan harta
- (v) Bilangan ahli keluarga yang bekerja
- (vi) Pendapatan
- (vii) Bilangan keluarga
- (viii) Pemilikan kenderaan
- (ix) Tahap pendidikan
- (x) Pengalaman dalam penggunaan pembangunan fizikal

1.10 METODOLOGI KAJIAN

Pengumpulan data kajian ini adalah berdasarkan kepada reka bentuk penyelidikan, di mana data primer diperoleh melalui soal selidik yang dijalankan di sekitar Kuala Terengganu. Bilangan responden yang disasarkan adalah seramai 200 orang yang terdiri daripada masyarakat berbilang kaum di kawasan pembangunan fizikal serta variasi kedudukan sosio-ekonomi. Selain itu, data sekunder juga digunakan sebagai rujukan contohnya melalui jurnal-jurnal, artikel, buku ilmiah, media cetak, laporan-laporan kerajaan dan lain-lain media elektronik. Pengukur kepada status sosio-ekonomi komuniti setempat yang diambil kira dalam kajian ini adalah seperti tahap pendidikan, bilangan tanggungan ahli keluarga, pekerjaan, pendapatan dan kepuasan atau pengalaman dalam penggunaan pembangunan fizikal .

Bagi mencapai objektif kajian, salah satu kaedah ekonometrik menggunakan perisian '*Statistical Package For The School Science*' (SPSS) akan digunakan agar dapat mengukuhkan hasil keputusan kajian akhir dengan melihat hubungan antara pembolehubah-pembolehubah. Kajian ini dilakukan menggunakan data primer dan penganalisan dilakukan menggunakan kaedah diskriptif dan pengujian model logit.

1.11 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian impak limpahan pembangunan fizikal ke atas sosio-ekonomi masyarakat khususnya di Kuala Terengganu dijangka dapat menyumbang ke arah memahami dengan lebih terperinci konflik yang dihadapi dalam merancang sesebuah pembangunan negeri. Pencapaian sosio-ekonomi masyarakat perlu diambilkira dalam penyediaan dasar-dasar perancangan pembangunan fizikal dan perlu berada di bawah kawalan pihak berkuasa tempatan yang jelas dari segi pentadbiran dan juga perancangannya. Ini dapat mengelakkan terdapatnya negeri yang terhimpit dan ketinggalan dalam arus pembangunan fizikal yang semakin pesat. Hasil penyelidikan ini diharap dapat membentuk kaedah merancang dasar-dasar pembangunan fizikal di kawasan berkenaan.

Hasil penyelidikan memberi fokus kepada dua perkara; pertamanya, memahami situasi dan ciri-ciri peralihan yang berlaku akibat dari tekanan pembangunan fizikal dan keduanya, merumuskan ciri-ciri impak terhadap sosio-ekonomi yang dihadapi oleh penduduk sekitar akibat limpahan pembangunan fizikal ini. Ini dijangkakan dapat menyumbang kepada agensi perancangan bandar, luar bandar ataupun wilayah metropolitan seperti Pihak Berkuasa Tempatan, Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran, Majlis Daerah dan Penguasa Mukim dalam penyediaan Rancangan Struktur Negeri, Rancangan Tempatan Daerah (RTD) dan yang berkaitan.

Di peringkat nasional pula, penyelidikan ini diharap dapat menjelaskan impak pembangunan fizikal terhadap sosio-ekonomi yang berlaku di kawasan sekitar dari segi kualiti kediaman, ekonomi dan peluang-peluang pekerjaan, taraf hidup dan sosiobudaya penduduk. Di samping itu ia dapat membantu dalam pengubalan dasar-dasar sosial yang lebih terarah untuk penduduk sekitar.

Dari segi sosio-ekonomi pula, pelaksanaan projek akan mendatangkan kesan-kesan yang bermanfaat kepada masyarakat serta Kerajaan Negeri mahupun Kerajaan Pusat. Di antara kesan-kesan baik dan berfaedah adalah hasil pulangan yang baik bagi Kerajaan Negeri, lebih banyak peluang pekerjaan diadakan, menaikkan taraf serta kualiti kehidupan harian dan masih dapat mengekalkan ciri-ciri alam sekitar yang baik terutama dari segi flora dan fauna serta keadaan cuaca.

BAB II

KONSEP DAN PENGUKURAN IMPAK LIMPAHAN PEMBANGUNAN FIZIKAL

2.1 PENGENALAN

Kawasan kajian yang dijalankan dalam penyelidikan ini lebih menumpukan kepada kawasan bandar dan pinggir bandar yang menerima limpahan pembandaran. Oleh kerana Kuala Terengganu menjadi pilihan penyelidikan, maka dalam bahagian bab awal ini akan meninjau definisi dan konsep limpahan pembangunan fizikal di kawasan bandar dan pinggir bandar. Hal ini bertujuan untuk memahami pengaruh pembangunan fizikal di kawasan bandar dan luar bandar dan pengukuran-pengukuran impak limpahan pembangunan fizikal di kawasan kajian.

2.2 Limbahan Pembangunan Di Kawasan Bandar

Kawasan bandar merupakan kawasan yang pesat dengan pembangunan kerana merupakan kawasan tumpuan masyarakat dalam melaksanakan kehidupan seharian. Tumpuan pembangunan perniagaan, perusahaan, industri serta tidak terkecuali pembangunan fizikal juga lebih pesat dikawasan bandar. Proses perkembangan pembangunan dan pembandaran dalam kawasan membentuk kawasan bandar yang berdekatan dengan pusat perniagaan, pekerjaan dan kemudahan bandar (Gottman dan Harper, 1967). Kawasan-kawasan bandar yang mengalami kepesatan pembangunan yang berlaku memerlukan kawalan dan perancangan yang lebih teratur.

2.3 Limbahan Pembangunan Di Kawasan Pinggir Bandar

Limbahan pembangunan di kawasan pinggir bandar yang berlaku di bandar utama kebanyakannya melibatkan kawasan pinggir bandarnya yang berada di luar sempadan pentadbiran bandar. Kawasan pinggir bandar ini merupakan kawasan yang berada di perantaraan kawasan bandar dan kawasan luar bandar. Kawasan ini banyak dipengaruhi oleh faktor perkembangan fizikal bandar tersebut dan dasar-dasar perancangan yang telah diterima pakai sebelumnya.

2.4 Kajian Mengenai Punca dan Kesan Limbahan Pembangunan dan Pembandaran

Banyak pengkaji menyatakan limbahan pembangunan dan pembandaran ini terjadi di sebabkan ketidaksempurnaan kawalan pasaran tanah (land market imperfection) dan kelemahan dasar perancangan (Ewing, 1994). Kesan limbahan permbandaran ke atas pinggir bandar adalah berbagai dan menjejaskan sumber-sumber kawasan luar bandar khususnya pertanian (Davies, 2001), meningkatkan penggunaan kenderaan dengan pesat sehingga mewujudkan kesesakan lalu lintas (Downs,1999), memanjangkan perjalanan dari segi jarak dan masa, meningkatkan kos membangunkan infrastruktur, pencemaran alam sekitar, dan 'kerugian' kepada komuniti luar bandar (Bradshaw & Muller, 1998).

Dari segi guna tanah, pengecilan saiz berlaku pada guna tanah pertanian dan kawasan perhutanan, peningkatan saiz kepada guna tanah perumahan, industri, perdagangan dan pengangkutan. Limpahan pembangunan dan pambandaran di negara maju selalunya berbentuk pembangunan berdensiti rendah yang memisahkan guna tanah perumahan, industri dan perdagangan dan telah banyak menukar lanskap desa (Floyd, 2000). Ini mengancam bukan sahaja kepada habitan haiwan (wildlife habitat) tetapi juga pola-pola petempatan luar bandar disebabkan pecahan tanah menjadi semakin kecil, terpencil dan mengganggu ekologi tanah (Russ, 2000). Pemahaman terhadap punca dan kesan limpahan pembangunan dan pambandaran ini perlu dikaji ke atas bandar tertentu secara khusus bagi melihat isu-isu secara meluas dan mengetahui kesannya ke atas hubungan persekitaran bandar dengan ciri-ciri luar bandar.

2.5 Ulasan Kajian

Beberapa pemerhatian telah diadakan oleh penyelidik lepas iaitu Bolan *et.al*, 1999, penyelidik menerangkan bahawa penyelidikan yang dijalankan bertujuan memberi gambaran limpahan pembangunan merupakan satu masalah kerana mendatangkan pelbagai impak kepada penduduk pinggir bandar sama ada dalam aspek fizikal seperti kualiti kediaman dan kemudahan dan aspek bukan fizikal seperti ekonomi dan pekerjaan, serta kualiti hidup penduduk. Isu terpenting dalam mengkaji limpahan pembangunan di Malaysia ialah berlakunya tekanan pembangunan ke atas penduduk yang tinggal di petempatan kampung pinggir bandar dalam wilayah metropolitan. Ini kerana terdapat banyak kampung-kampung seperti kampung tradisi dan petempatan sementara yang telah didiami berpuluh-puluh tahun ada di antaranya telah pupus dan lenyap, mengalami pengurangan penduduk, menjadi terasing dalam perancangan pembangunan, hilang ciri-cirinya sebagai kawasan tempat tinggal atau menghadapi isu-isu berkaitan alam sekitar. Sebahagiannya pula yang kekal mengalami perubahan corak sosioekonomi dan sosiobudaya yang tidak menentu. Masalah ini bertambah serius apabila tumpuan kepada pembangunan kampung-kampung pinggir bandar dalam pelan-pelan pembangunan adalah kurang dan terpisah dari perancangan fizikal bandar.

Terdapat pengkaji iaitu Ewing, 1994 menyatakan limpahan pembangunan terjadi di sebabkan ketidaksempurnaan kawalan pasaran tanah dan kelemahan dasar perancangan. Kesan limpahan pembangunan ke atas pinggir bandar adalah berbagai, menjejaskan sumber-sumber kawasan luar bandar khususnya pertanian dalam penyelidikan Davies, 2001, meningkatkan kos membangunkan infrastruktur, pencemaran alam sekitar, dan 'kerugian' kepada komuniti luar bandar (Bradshaw & Muller, 1998).

Penyelidik Floyd, 2000 dalam penyelidikannya merujuk pembangunan dari segi guna tanah, iaitu pengecilan saiz berlaku pada guna tanah pertanian dan kawasan perhutanan tetapi sebaliknya berlaku peningkatan saiz kepada guna tanah perumahan, industri, perdagangan dan pengangkutan. Limpahan pembangunan di negara maju kebiasaannya berbentuk pembangunan bertahap rendah yang memisahkan guna tanah perumahan, industri dan perdagangan dan telah banyak menukar suasana desa. Ini mengancam bukan sahaja kepada habitan haiwan tetapi juga pola-pola petempatan luar bandar disebabkan pecahan tanah menjadi semakin kecil, terpencil dan mengganggu ekologi tanah dalam penyelidikan Russ, 2000. Pemahaman terhadap punca dan kesan limpahan pembangunan ini perlu dikaji ke atas bandar tertentu secara khusus bagi melihat isu-isu secara teliti dan mengetahui kesannya ke atas hubungan persekitaran bandar dengan ciri-ciri luar bandar.

Menurut penyelidik Johnson, 1972 mengkaji berkenaan pengaruh ekologi bandar dilihat sebagai konsepsi satu unit organisasi biologi sistem bandar yang merangkumi semua organisma dalam satu lingkungan yang beinteraksi antara satu dengan yang lain. Manusia turut bertindak sebagai pengubah alam sekitar bagi pembangunan adakalanya memberikan kesan-kesan yang merosakkan. Perkembangan bandar berlaku kerana faktor-faktor lokasi, perletakan, jarak, keadaan fizikal tapak dan nilai masyarakat. Faktor lokasi, fizikal tapak dan nilai-nilai masyarakat merupakan tiga faktor yang sering digunakan dalam kajian impak pembangunan dari perspektif ekologi dan sosiologi bandar.

Bentinck (2000) dalam penyelidikannya mengatakan bahawa dalam peningkatan pembangunan dan perbandaran yang berlaku dapat memberikan impak negatif kepada masyarakat umumnya kepada kawasan perbandaran tersebut. Dalam penyelidikannya juga lebih memfokuskan kepada kajian perubahan dalam peluang-peluang pekerjaan penduduk akibat daripada impak pembangunan dan perbandaran di India. Antara impak yang diperolehi daripada penyelidikan ialah memberi kesan kepada peningkatan peluang pekerjaan, peningkatan aktiviti guna tanah dan perubahan corak hidup penduduk luar bandar. Di samping itu juga berlaku kekurangan tanah di pinggir bandar untuk dibangunkan sebagai kediaman, kesesakan lalulintas meningkat dan pencemaran alam sekitar yang serius. Akibat dari perbandaran dan pembangunan juga memberikan impak yang positif iaitu pendapatan penduduk meningkat kerana dengan adanya perbandaran dan pembangunan telah memberi peluang pekerjaan dalam sektor perkhidmatan ketiga (tertiary) yang tertumpu di kawasan pinggir bandar.

Penyelidik daripada Thailand iaitu Sowatree Nathalang, (2000) dan Askew (2000) telah menjalankan penyelidikan yang memfokuskan kajian perbandaran dan pembangunan dari segi proses kemodenan, hubungan kekeluargaan dan kejiranan dan peranan institusi tradisional dan agama. Hasil daripada penyelidikan, mereka mendapati bahawa ia memberi impak yang ketara kepada penduduk iaitu permodenan dalam pembangunan diterima secara menyeluruh oleh penduduk sekitar pembangunan. Disamping itu berlaku penghijrahan penduduk desa ke bandar akibat berlaku perbandaran di kawasan tertentu sahaja, berlaku situasi perubahan corak hidup bandar ke atas penduduk desa di sekitar bandar. Impak daripada perbandaran dan pembangunan juga telah menyebabkan institusi tradisional dan agama memainkan peranan yang penting dalam komuniti. Selain itu juga wujud kelonggaran hubungan antara keluarga dan kejiranan akibat daripada pembangunan kerana tumpuan lebih diberikan kepada pekerjaan dan persekitaran sosial pembangunan.

Penyelidik daripada United States, Amerika iaitu Stanley (1999), Thomas (1998), Cheng Siu Kao (1985) dan Piper (1998). Penyelidik-penyelidik ini menjalankan penyelidikan mengenai pembangunan perbandaran yang memfokuskan kepada dasar-dasar kawalan pertumbuhan bandar, dari segi pertanian, sektor perkhidmatan dan melihat masalah sosial dalam komuniti desa. Dalam penyelidikan penyelidik, penemuan hasil impak daripada pembangunan ialah penggunaannya dalam Dasar 'Urban Vilage' dan 'Smart Growth' yang dipakai untuk kawalan perkembangan bandar. Akibat impak daripada perbandaran juga telah menyebabkan berlakunya penggunaan kereta persendirian meningkat. Di samping itu juga ancaman ke atas aktiviti pertanian dan ekonomi kerana kerajaan lebih memfokuskan pembangunan. Jumlah pekerjaan meningkat berganda dalam sektor pekhidmatan (tertiary sector) di sekitar bandar utama serta berlaku peningkatan jenayah, 'gangs', dan jenayah seks dalam komuniti.

Menurut penyelidikan Prof. Madya Dr Hj Wan Rozali berkenaan 'Kualiti Hidup Sosial Dan Proses Perbandaran Di Malaysia'. Penyelidik menerangkan bahawa kualiti hidup sosial dan proses perbandaran merupakan gambaran tamadun manusia dalam pembangunan sesebuah negara. Dalam menentukan tahap sosio-ekonomi penduduk setempat kedua-duanya mempunyai pertalian yang sangat erat walaupun sukar untuk diselarikan. Ini disebabkan proses perbandaran yang sebahagian besarnya berpunca daripada pertambahan bilangan penduduk sering berdepan dengan masalah dan isu kualiti hidup sosial di sesebuah bandar. Penyelidik berpendapat bahawa pembangunan bandar yang pesat secara langsungnya menuntut perubahan paradigma baru di kalangan penghuninya yang akhirnya menjadi penentu terhadap kualiti hidup sosial sesebuah masyarakat. Dengan ini penyelidik telah membuat suatu kerangka pembangunan fizikal yang melibatkan proses perbandaran dan spiritual yang melibatkan manusia dan kemanusiaan hendaklah yang akan dirancang secara komprehensif. Penyelidikan ini bertujuan untuk memenuhi keperluan kualiti hidup sosial yang mempunyai nilai-nilai ketamadunannya yang tersendiri tanpa menghadapi dilemma dan kekeliruan dalam memahami budaya kehidupan bandar yang selama ini dianggap sebagai penyumbang masalah sosial.

Penyelidik membuat penyelidikan ini kerana mendapati bahawa timbulnya pelbagai isu dan masalah yang melibatkan kualiti kehidupan sosial akibat daripada pembangunan bandar yang pesat. Antaranya termasuk isu penyediaan kemudahan asas kepada penghuni bandar, isu penghijrahan penduduk desa dan pendatang asing, isu kemiskinan, isu penyediaan peluang pekerjaan, isu perumahan, pencemaran persekitaran, kesesakan lalu lintas, isu jenayah dan keselamatan penghuni serta keruntuhan moral. Oleh itu penyelidik tertarik untuk membuat penyelidikan yang kerana bidang perbandaran amat penting dalam memainkan peranannya disebabkan mempunyai pengaruhnya yang besar terhadap kualiti kehidupan manusia.

Penyelidik menerangkan bahawa daripada pembentukan dan penguatkuasaan Dasar Pemandaran Negara yang menyeluruh dan komprehensif amat penting dalam mewujudkan pembangunan bandar yang seimbang bagi mencapai satu tahap sistem ekonomi yang mantap dan bersepadu melalui proses pengagihan faedah pembangunan ekonomi dan perkhidmatan asas bandaran yang saksama dan meluas di seluruh negara. Penyelidik juga menekankan bahawa kepentingan panduan terhadap Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).

Melalui penyelidik Ahris Yaakup, Stanley Chong Hon Chung, Azman Yahya dan Tarmizi Karim menyatakan bahawa setiap pembangunan guna tanah dalam sebarang skala biasanya akan mengakibatkan perubahan kepada pola penjanaan trip sesuatu kawasan. Dalam konteks pembangunan bandar sebahagian besar fungsi perancangan dan pengurusan pengangkutan bandar ditumpukan kepada kemudahsampaian jalan ke kawasan pembangunan dan aktiviti-aktiviti manusia di wilayah lembah Klang. Pada asasnya pengangkutan bandar ini adalah dikaitkan dengan penjanaan trip suatu bandar. Pengintegrasian maklumat pengangkutan bandar dengan maklumat-maklumat guna tanah, sosio-ekonomi dan kemudahan awam dapat digunakan untuk melakukan analisis jaringan seperti tahap perkhidmatan, kesesakan jalan, keperluan perletakan suatu guna tanah, alternatif jalan terdekat dan lain-lain lagi. Penyelidik menggunakan sistem maklumat geografi (GIS) yang diperkenalkan

merupakan satu alat yang berkesan dalam menilai dan menjangka perubahan trip akibat daripada sebarang pembangunan dengan lebih berkesan selain kajian penilaian kesan trafik (TIA) yang dijalankan.

Penyelidik-penyelidik menganalisis penilaian projek pembangunan yang merupakan satu pendekatan yang digunakan untuk menyediakan alternatif penilaian keupayaan sesuatu projek pembangunan di dalam menampung perubahan trip sesuatu kawasan pembangunan. Ia juga berupaya menjadi asas dalam pengiraan tahap keupayaan jalan yang terlibat berdasarkan kepada perubahan trip akibat kesan pembangunan ke atas penjaan trip dari sesuatu cadangan projek pembangunan yang akan dilaksanakan. Antara bentuk penilaian yang dilakukan dalam analisis ini adalah seperti menganalisis secara terperinci setiap cadangan projek yang akan dilaksanakan seperti pembahagian perancangan guna tanah, keluasan setiap sektor dan sebagainya. Menilai penjaan trip setelah suatu cadangan projek pembangunan dilaksanakan di sesuatu zon.

Daripada penyelidikan AKao, C.S. Dasar-dasar pembangunan dan program-program telah digubal bagi meningkatkan kecergasan ekonomi, kesejahteraan sosial, dan kualiti kehidupan dalam kaum-kaum luar bandar. Akibat daripada pertumbuhan ekonomi dengan berlakunya pembangunan dan perkembangan industri penyelidik berminat dalam membuat penyelidikan tersebut. Matlamat utama kajian tersebut adalah untuk membangunkan sebuah model interaktif yang dinamik yang menempatkan unjuran sosio pertumbuhan ekonomi dan kesan pekerjaan tambahan daripada sebuah kilang baru dalam satu masyarakat desa. Pengukuran dalam mengandungi unjuran-unjuran aktiviti-aktiviti pemiagaan, pendapatan dan pekerjaan oleh sektor dikaji. Selain itu unjuran-unjuran merangkumi pendidikan, perubatan, perumahan, keadilan jenayah, perlindungan kebakaran, bekalan air, rawatan air, rawatan kumbahan, pelupusan sisa pepejal, dan syarat-syarat pengangkutan di kaji dalam berlakunya pembangunan dan perkembangan industry tersebut.

Penyelidik Dr. Wan Abdul Aziz dalam penyelidikannya menyentuh mengenai faktor-faktor yang menentukan sejauh mana peranan yang dimainkan oleh Kerajaan Malaysia dalam menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara yang mapan. Menurut Muhammad Asad dalam penyelidikan lepas mengatakan bahawa dalam Islam, Kerajaan yang dipilih bertanggungjawab untuk menyediakan satu sistem pendidikan yang membolehkan setiap rakyat, lelaki dan wanita, mendapat ilmu dengan mudah. Dengan ilmu, setiap insan akan mendapat kebebasan yang sebenar daripada pelbagai sudut dan menyediakan kemudahan terutama peluang-peluang ekonomi yang membolehkan setiap rakyat mencapai dan mengekalkan kebahagiaan (happiness) dan maruah diri (dignity).

Amalan khalifah Umar juga boleh dijadikan panduan mengenai peranan Kerajaan dalam memastikan setiap rakyat menikmati faedah pembangunan secara saksama. Oleh itu dalam penyelidikan ini menerangkan bahawa peranan Kerajaan dalam pembangunan negara adalah penting. Walau pun tidak perlu memainkan peranan sebagai peneraju dan bersaing dengan sektor swasta, Kerajaan perlu melaksanakan tugas termasuk menjaga keselamatan negara, menguatkuasakan undang-undang, menyediakan infrastruktur sosial seperti kemudahan kesihatan dan pendidikan serta mengawalselia perjalanan perniagaan supaya orang awam mendapat manfaat yang maksimum. Penyelidik telah menekankan bahawa program pembangunan yang telah dilaksanakan selama ini adalah selaras dengan ajaran Islam dan menepati apa yang disarankan oleh Al-Quran dan As-Sunnah. Peranan yang dimainkan oleh Kerajaan juga selaras dengan ajaran Islam kerana matlamat yang ingin dicapai ialah untuk meningkatkan taraf dan kualiti hidup rakyat supaya mereka dapat menikmati kehidupan yang harmoni daripada segi kebendaan dan kerohanian.

BAB III

METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENGENALAN

Wawasan kepimpinan kerajaan negeri ialah untuk menjadikan Terengganu sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Matlamatnya ialah untuk menyempurnakan kesejahteraan rakyat terutama dari segi peningkatan taraf dan mutu hidup serta pewujudan sebuah masyarakat Terengganu yang cemerlang, gemilang dan terbilang. Antara faktor dalam mempengaruhi pencapaian tersebut adalah dengan adanya pembangunan fizikal yang mapan. Maka dalam penyelidikan ini, seiring dengan pembangunan negara terutama di Kuala Terengganu merupakan perkara asas mencerminkan peningkatan taraf dan mutu hidup.

Bahagian ini menerangkan dengan lebih terperinci berkenaan metodologi penyelidikan ini. Antaranya ialah bilangan responden yang disasarkan adalah seramai 200 orang yang terdiri daripada masyarakat berbilang kaum di kawasan pembangunan fizikal serta variasi kedudukan sosioekonomi. Selain itu, data sekunder juga digunakan sebagai rujukan contohnya melalui jurnal-jurnal, artikel, buku ilmiah, media cetak, laporan-laporan kerajaan dan lain-lain media elektronik. Pengukur kepada status sosioekonomi komuniti setempat yang diambil kira dalam kajian ini adalah seperti tahap pendidikan, bilangan tanggungan ahli keluarga, pekerjaan, pendapatan dan kepuasan dalam penggunaan pembangunan fizikal. Bagi mencapai objektif kajian, salah satu kaedah ekonometrik menggunakan perisian '*Statistical Package For The School Science*' (SPSS) akan digunakan agar dapat mengukuhkan hasil keputusan kajian akhir dengan melihat hubungan antara pembolehubah-pembolehubah. Kajian ini dilakukan menggunakan data primer dan penganalisaan dilakukan menggunakan kaedah diskriptif dan pengujian model binomial logit.

3.2 DATA KAJIAN

Penyelidikan yang dijalankan ini adalah menggunakan kaedah pengumpulan data primer dan data sekunder.

3.2.1 Data Primer

Pengumpulan data kajian ini adalah berdasarkan kepada reka bentuk penyelidikan, di mana data primer diperoleh melalui soal selidik yang dijalankan di sekitar Kuala Terengganu. Soal selidik atau dikenali sebagai instrumen merupakan alat untuk mengumpul data. Soal selidik dibentuk untuk mengisi maklumat yang diberikan oleh setiap responden. Soal selidik yang sama akan digunakan untuk semua responden bagi memastikan keseragaman jawapan yang diberi oleh responden. Penyediaan borang soal selidik boleh dibahagikan kepada empat bahagian iaitu bahagian A,B,C dan D. Dalam penyelidikan ini, seramai 200 penduduk dan masyarakat berbilang kaum yang tinggal berdekatan dengan pembangunan fizikal akan menjadi responden.

Kajian kes penyelidikan ini meliputi kawasan pembangunan fizikal di Kuala Terengganu sahaja sebagai contoh Pembinaan Akademik Pelayaran Kebangsaan Malaysia, Taman Tamadun Islam, Kompleks Sukan Negeri, Gong Badak, Pusat Bahasa Terengganu, Projek Lebuh raya Pantai Timur (Fasa II), Pengubahsuaian Masjid Zainal Abidin dan Pembesaran Lapangan Terbang Sultan Mahmud.

3.2.2 Data Sekunder

Data sekunder melibatkan data-data sedia ada merujuk kepada sumber yang telah diterbitkan. Antaranya melalui jurnal-jurnal, artikel, buku ilmiah, media cetak, laporan-laporan kerajaan dan lain-lain media elektronik. Perpustakaan juga merupakan salah satu sumber sekunder yang digunakan di mana data-data mudah diperolehi di mana-mana perpustakaan.

3.3 HIPOTESIS KAJIAN

Penyelidikan yang dijalankan haruslah mempunyai hipotesis iaitu jangkaan awal untuk mendapatkan keputusan kajian yang tepat. Selepas pengujian dilaksanakan dan memperolehi keputusan hasil kajian, maka dapat dilihat serta di buktikan sejauhmana hasil kajian menyokong hipotesis tersebut.

H_0 : Pembangunan fizikal tidak mempengaruhi pendapatan masyarakat

H_1 : Pembangunan fizikal mempengaruhi pendapatan masyarakat

H_0 : Pembangunan fizikal tidak mempengaruhi tahap pendidikan masyarakat

H_1 : Pembangunan fizikal mempengaruhi tahap pendidikan masyarakat

H_0 : Pembangunan fizikal tidak mempengaruhi tahap kesihatan masyarakat

H_1 : Pembangunan fizikal mempengaruhi tahap kesihatan masyarakat

H_0 : Pembangunan fizikal tidak mempengaruhi masalah sosial masyarakat

H_1 : Pembangunan fizikal mempengaruhi masalah sosial masyarakat

H_0 : Pembangunan fizikal tidak mempengaruhi peluang pekerjaan

H_1 : Pembangunan fizikal mempengaruhi peluang pekerjaan

3.4 KERANGKA MODEL KAJIAN/ANALISIS KAJIAN

Analisis kajian ini adalah kepada penduduk masyarakat yang merangkumi kawasan limpahan pembangunan fizikal di Kuala Terengganu. Pensampelan dilakukan secara rawak ke atas 200 individu di Kuala Terengganu yang berada di sekitar kawasan yang menerima limpahan pembangunan fizikal.

Data akan dianalisis menggunakan analisis regresi logistik untuk melihat kebarangkalian individu menerima limpahan pembangunan fizikal. Pembolehubah bersandar dalam kajian ini berbentuk diktomus iaitu sama ada menerima limpahan pembangunan fizikal atau tidak. Memandangkan pembolehubah bersandar berbentuk diktomus dan pembolehubah bebas yang digunakan kebanyakannya berbentuk dami maka model ini sesuai dianggarkan dengan menggunakan model logit binomial. Model yang dianggarkan secara umumnya adalah seperti berikut:

$$P_i = E(Y = 1/X) = 1 / (1 + e^{-z}) \quad (1)$$

dengan:

P_i adalah kebarangkalian bagi responden yang menerima limpahan pembangunan fizikal iaitu $Y = 1$ dan $Y = 0$ bagi responden yang tidak menerima limpahan pembangunan fizikal.

Persamaan (1) boleh ditulis dalam bentuk berikut:

$$P_i = 1 / (1 + e^{-z}) = e^z / (1 + e^z) \quad (2)$$

Jika P_i adalah kebarangkalian bagi responden menerima limpahan pembangunan fizikal $Y=1$ maka kebarangkalian bagi reponden tidak menerima limpahan pembangunan ialah $Y=0$ ialah $(1-P)$. Oleh itu kebarangkalian tidak menerima limpahan pembangunan ialah:

$$(1-P_i) = 1 / (1+e^z) \quad (3)$$

Oleh itu ratio kebarangkalian untuk responden menerima limpahan pembangunan fizikal adalah dalam persamaan (4) iaitu:

$$P_i / (1-P_i) = e^z \quad (4)$$

Dengan mengambil natural log bagi persamaan (4) maka akan mendapat persamaan (5) iaitu:

$$\begin{aligned} L = \ln (P_i / (1-P_i)) &= e^z \\ &= Z_i \\ &= f(X) \end{aligned} \quad (5)$$

Berdasarkan persamaan (5) penyelidikan ini juga menguji beberapa pembolehubah yang dipertimbangkan mempengaruhi kebarangkalian menerima limpahan pembangunan iaitu:

$$Z_i = \beta_0 + \beta_1 X_1 + \beta_2 X_2 + \beta_3 X_3 + \dots + \beta_i X_i \quad (6)$$

Dimana Z_i adalah satu fungsi $f(X)$ dengan X adalah pembolehubah bebas yang dipertimbangkan iaitu jantina, umur, tahap pendidikan, pendapatan bulanan, kesihatan, jenis pekerjaan, bilangan tanggungan, perbelanjaan bulanan isi rumah, persepsi terhadap pembangunan fizikal dan kepuasan dalam pembangunan fizikal.

Oleh itu berpandukan kepada persamaan (6), model khusus yang akan dianggarkan dalam kajian ini ialah:

$$L = \ln (P_i / (1-P_i)) = \beta_0 + \beta_1 X_1 + \beta_2 X_2 + \beta_3 X_3 + \beta_4 X_4 + \beta_5 X_5 + \beta_6 X_6 + \beta_7 X_7 + \beta_8 X_8 + \beta_9 X_9 + \beta_{10} X_{10} + \beta_{11} X_{11} + \beta_{12} X_{12} + \beta_{13} X_{13} + \beta_{14} X_{14} + \beta_{15} X_{15} + \beta_{16} X_{16}$$

Dimana:

- L adalah log bagi nisbah 'odds' menerima limpahan pembangunan fizikal
(0 = Tidak, 1 = Ya)
- X₁ adalah dumi jantina (untuk lelaki, 0 untuk wanita)
- X₂ adalah umur responden
- X₃ adalah jumlah pendapatan bulanan
- X₄ adalah dumi peluang perniagaan (0 = Tidak, 1 = Ya)
- X₅ adalah dumi kemudahan infrastruktur (0 = Tidak, 1 = Ya)
- X₆ adalah dumi keselamatan (0 = Tidak, 1 = Ya)
- X₇ adalah dumi khidmat pengangkutan (0 = Tidak, 1 = Ya)
- X₈ adalah dumi tahap kesihatan (0 = Tidak, 1 = Ya)
- X₉ adalah dumi tingkat jenayah (0 = Tidak, 1 = Ya)
- X₁₀ adalah dumi tahap pencemaran (0 = Tidak, 1 = Ya)
- X₁₁ adalah dumi trafik (0 = Tidak, 1 = Ya)
- X₁₂ adalah dumi kesan projek LTSM (0 = Tidak, 1 = Ya)
- X₁₃ adalah dumi kesan projek TTI (0 = Tidak, 1 = Ya)
- X₁₄ adalah dumi kesan projek KSN (0 = Tidak, 1 = Ya)
- X₁₅ adalah dumi status perkahwinan (0 = Bujang, 1 = Berkahwin)
- X₁₆ adalah dumi pendidikan (0 = Pendidikan rendah, 1 = Pendidikan Tinggi)

BAB IV

ANALISIS HASIL KAJIAN

4.1 PENGENALAN

Keistimewaan bab iv ini adalah merupakan penganalisaan hasil kajian daripada soal selidik responden, menggunakan analisis deskriptif dan menggunakan model pengujian Binomial Logit. Penganalisaan meliputi empat bahagian dalam soal selidik iaitu bahagian A merupakan latar belakang responden, bahagian B adalah penglibatan responden dan isi rumah dalam pembangunan fizikal, bahagian C pula merujuk kepada pendapat masyarakat terhadap pembangunan fizikal dan bahagian terakhir iaitu bahagian D adalah mengukur impak pembangunan fizikal terhadap masyarakat. Tujuan analisis ini dilakukan adalah untuk melihat taburan responden dan untuk mengukur perkaitan dan mengklasifikasi pembolehubah yang terlibat dalam menjawab penyelidikan ini.

4.2 ANALISIS DESKRIPTIF

4.2.1 BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG RESPONDEN

Hasil kajian yang diperolehi dalam bahagian A adalah melibatkan maklumat daripada responden dari segi latar belakang responden seperti umur, jantina, bangsa, taraf kerakyatan, pendapatan dan tanggungan. Maklumat tersebut amat penting bagi membantu dalam penyelidikan ini untuk mendapatkan hasil yang lebih tepat dan terdapat beberapa pembolehubah yang digunakan dalam model di bahagian ini.

Jadual 4.1 : Ciri Demografi Responden

Bil	Ciri	Ukuran
1.	Jantina : - Perempuan - Lelaki	61% 39%
2.	Purata Umur	34 Tahun
3.	Bangsa : - Melayu	98.5%
4.	Taraf kerakyatan : - Bumiputera	100%
5.	Status perkahwinan : - Bujang - Berkahwin	45.5% 54.5%
6.	Tahap pendidikan : - SPM/MCE	50.5 %
7.	Jenis pekerjaan : - Sektor Swasta dan bekerja sendiri	36%
8.	Pendapatan bulanan	RM 938.00
9.	Purata Bilangan tanggungan	2 Orang

Hasil kajian mendapati bahawa daripada 200 responden yang telah di soal selidik, seramai 78 orang iaitu sebanyak 39 peratus adalah lelaki dan sejumlah 122 orang iaitu 61 peratus adalah perempuan. Berdasarkan daripada penyelidikan juga, didapati bahawa responden adalah terdiri daripada umur 17 tahun hingga 75 tahun. Namun jumlah purata umur responden adalah 34 tahun.

Kawasan kajian kes yang dijalankan dalam penyelidikan ini memperlihatkan majoriti responden terdiri daripada penduduk berbangsa Melayu dan penempatan kaum – kaum lain adalah rendah. Responden berbangsa Melayu seramai 197 orang iaitu 98.5 peratus manakala 1.5 peratus berbangsa Cina iaitu seramai 3 orang sahaja. Maka, 100 peratus responden adalah merupakan bumiputera Malaysia.


Kebanyakan responden adalah penduduk yang bermastautin di Terengganu kerana kajian ini telah dijalankan di sekitar Kuala Terengganu sahaja. Sebanyak 191 orang iaitu 95.5 peratus daripada jumlah responden adalah bermastautin di negeri Terengganu dan selebihnya iaitu 4.5 peratus adalah responden yang bukan bermastautin di negeri Terengganu tetapi dari negeri-negeri lain seperti Kelantan, Perak dan Pahang.

Status responden dalam kajian ini iaitu seramai 54.5 peratus atau seramai 109 orang merupakan responden yang telah berkahwin dan sejumlah 45.5 peratus merupakan responden bujang yang merangkumi bujang dan janda atau duda.

Berdasarkan ciri – ciri demografi responden juga menunjukkan sebahagian besar responden yang menjawab soal selidik adalah daripada kalangan berpendidikan SPM/MCE yang mencatatkan jumlah responden tertinggi seramai 101 orang iaitu 50.5 peratus. Namun terdapat responden mempunyai pendidikan tinggi iaitu STPM/DIPLOMA adalah seramai 36 orang iaitu 18 peratus. Hanya segelintir 7.5 peratus atau seramai 15 orang responden sahaja berpendidikan Ijazah dan keatas.

Responden yang mempunyai tahap pendidikan PMR/SRP dan lain – lain pula mencatatkan jumlah 13 peratus dan 11 peratus. Bagi lain – lain tahap pendidikan pula merujuk kepada reponden yang tidak bersekolah seramai 3 orang, bersekolah rendah seramai 17 orang dan hanya bersekolah sehingga tingkatan 1 seramai 2 orang sahaja.

Rajah 4.1 : Taburan Responden Mengikut Jenis Pekerjaan



Berdasarkan Rajah 4.1 diatas menunjukkan bahawa jenis – jenis pekerjaan responden merangkumi pekerjaan dalam sektor kerajaan, swasta, bekerja sendiri, pelajar atau suri rumah, pesara dan penganggur. Jenis pekerjaan tertinggi adalah dalam sektor swasta dan bekerja sendiri berjumlah seramai 142 orang responden bagi kedua-duanya. Masing-masing mencatatkan jumlah peratus yang sama iaitu 36 peratus, manakala sebanyak 13.5 peratus adalah daripada golongan pelajar atau suri rumah. Reponden yang bekerja dalam sektor kerajaan adalah sebanyak 11.5 peratus manakala pesara dan penganggur hanya mencatatkan jumlah yang kecil iaitu 1 peratus dan 2 peratus sahaja.

Hasil kajian daripada soal selidik juga mencatatkan bahawa majoriti responden adalah berpendapatan kurang daripada RM 1000.00 ke bawah iaitu merujuk kepada jenis pekerjaan responden yang bekerja sendiri seperti berkebun dan berniaga kecil – kecilan. Namun terdapat segelintir responden yang mempunyai pendapatan melebihi RM 5000.00 kerana responden tersebut menjawat jawatan dalam sektor kerajaan dan swasta. Selain itu juga terdapat responden yang tidak mempunyai pendapatan seramai

11 orang merangkumi pesara, suri rumah dan penganggur. Purata keseluruhan pendapatan responden dalam kajian ini adalah RM 938.00.


Terdapat bahagian latar belakang responden ini juga mengkaji bilangan tanggungan responden seperti anak dan ibubapa yang dibawah tanggungan dan jagaan responden. Tanggungan tertinggi yang di punyai oleh 2 orang responden adalah seramai 12 orang dan terdapat 95 responden iaitu 47.5 peratus tidak mempunyai tanggungan. Hal ini kerana terdapat 85 responden belum berkahwin dan terdapat juga responden yang belum mendapat anak setelah berkahwin. Purata keseluruhan tanggungan responden adalah seramai 2 orang tanggungan.

4.2.2 BAHAGIAN B : PENGLIBATAN RESPONDEN DAN ISI RUMAH

Bahagian B dalam soal selidik adalah merujuk kepada penyelidikan penglibatan responden dan isi rumah terhadap pembangunan fizikal yang terdapat di Kuala Terengganu. Terdapat beberapa soalan yang fokus terhadap penglibatan responden secara langsung serta impak atau kesan yang diperolehi oleh responden dan isi rumah. Merujuk kepada soalan kawasan penempatan responden, dapat dilihat taburan kawasan penempatan responden di Kuala Terengganu. Ini menunjukkan penyelidikan ini tidak tertumpu kepada satu kawasan sahaja, namun penyelidikan ini meluas di sekitar Kuala Terengganu. Antara penempatan responden yang tertinggi adalah di kawasan Kampung Pak Tijah, Kampung Losong, Telaga Batin, Kubang Badak, Manir dan Bukit Payung. Begitu juga kepada mukim kawasan responden terdapat penyelidikan menyeluruh dijalankan di pelbagai mukim di Kuala Terengganu seperti mukim Kuala Terengganu, Kuala Nerus, Batu Rakit, Wakaf Mempelam, Batu Buruk dan sebagainya.


Sehubungan dengan itu, terdapat kawasan penempatan responden yang berdekatan dengan projek-projek pembangunan fizikal yang sedia ada di Kuala Terengganu seperti projek Lapangan Terbang Sultan Mahmud(LTSM), Masjid Sultan Zainal Abidin(MZA), Taman Tamadun Islam(TTI), Kompleks Sukan Negeri(KSN), Pusat Bahasa Terengganu(PBT), Akademik Pelayaran Kebangsaan Malaysia(APKM), Perpustakaan Negeri Terengganu(PNT) dan lain-lain.

Rajah 4.2 : Taburan Responden Mengikut Penempatan Yang Berdekatan Dengan Projek



Merujuk kepada rajah 4.2, responden yang disoal selidik didapati banyak tinggal berdekatan dengan projek Lapangan Terbang Sultan Mahmud iaitu mencatatkan 34 peratus seperti kawasan penempatan kampung Telaga Batin dan Kampung Tok Jembal. Selain itu, responden sebanyak 32.5 peratus pula tinggal berdekatan dengan projek-projek lain seperti di kawasan Gong Badak yang berdekatan dengan Universiti Malaysia Terengganu dan Universiti Darul Iman. Responden sebanyak 30 peratus juga tinggal berdekatan kawasan projek Kompleks Sukan Negeri seperti di kawasan Kampung Pak Tijah.

Rajah 4.3 : Taburan Responden Dalam Penglibatan Pembangunan Fizikal Secara Langsung



Penyelidikan ini juga ingin mengetahui sejauhmana penglibatan responden secara langsung dalam projek – projek seperti bekerja atau membangunkan projek tersebut. Jika terdapat responden yang bekerja atau terlibat dalam pembangunan fizikal maka responden cenderung menjawab “ya” dan jika sebaliknya responden akan menjawab “tidak”. Berdasarkan rajah 4.3 daripada hasil penyelidikan, di dapati bahawa majoriti responden seramai 174 orang iaitu 87 peratus menjawab tidak terlibat secara langsung dalam projek – projek pembangunan fizikal di Kuala Terengganu berbanding 13 peratus iaitu hanya 26 orang sahaja terlibat dengan projek pembangunan fizikal Kuala Terengganu. Ini menunjukkan bahawa walaupun pembangunan fizikal pesat dijalankan, namun peluang pekerjaan yang disediakan kurang kepada penduduk setempat. Hal ini mungkin disebabkan projek – projek ini memerlukan buruh mahir untuk bekerja. Jika dilihat daripada tahap pendidikan, majoriti responden mempunyai tahap pendidikan rendah. Mungkin ini salah satu punca responden tidak terlibat dalam projek secara langsung.

Jadual 4.2: Penglibatan Responden Dalam Pembangunan Fizikal Mengikut Bidang Pekerjaan Dan Projek

Projek \ Bidang Pekerjaan	Pakar dan Profesional	Pentadbiran dan Pengurusan	Sokongan	Pekerja Am
LTSM	0.5 %	0	0	0.5 %
MZA	0	0	0	0
TTI	0	0	0	0
KSN	0	0	0	0
PBT	0	0	0	0
APKM	0	0	0	0
PNT	0	0	0	0
Lain – lain	2 %	2.5 %	4.5 %	2.5 %


Merujuk kepada penglibatan responden secara langsung, hasil kajian mendapati bahawa penglibatan responden dalam pembangunan fizikal dilihat berdasarkan bidang pekerjaan responden dan taburan penglibatan berdasarkan projek. Hal ini dapat membantu penyelidikan bahawa kajian dapat mengetahui bidang pekerjaan responden dalam projek pembangunan fizikal adakah pada tahap rendah atau tinggi di mana dapat mempengaruhi keputusan penerimaan limpahan dalam pembangunan fizikal di Kuala Terengganu. Antara bidang pekerjaan adalah pakar dan profesional, pentadbiran dan pengurusan, sokongan dan pekerja am.

Sehubungan itu, hasil daripada soal selidik mendapati bahawa terdapat responden bekerja dalam bidang pakar dan profesional serta pekerja am di projek LTSM dalam jumlah yang kecil iaitu masing – masing mencatitkan 0.5 peratus. Berbanding dengan penglibatan dalam projek lain – lain yang merekodkan bahawa terdapat responden terlibat dalam semua bidang. Namun bidang pekerjaan sokongan adalah paling tinggi 4.5 peratus iaitu seramai 9 orang responden, diikuti oleh bidang pentadbiran dan pengurusan serta pekerja am masing – masing mencatatkan seramai 5 responden iaitu 2.5 peratus dan responden bekerja dalam bidang pakar dan profesional sebanyak 4 responden iaitu 2 peratus.

Projek-projek lain seperti MZA, TTI, KSN, PBT, APKM dan PNT memperlihatkan tiada penglibatan responden. Oleh itu, daripada hasil kajian diatas

memperlihatkan bahawa projek – projek pembangunan fizikal yang banyak di Kuala Terengganu tidak menjamin peluang pekerjaan dalam bidang yang tinggi seperti pakar dan profesional kepada responden. Walaubagaimanapun, merujuk kepada tahap pendidikan responden yang majoriti mempunyai pendidikan rendah memperlihatkan peluang pekerjaan dalam bidang sokongan dan pekerjaan am adalah bersesuaian dengan tahap pendidikan mereka.

Rajah 4.4 : Penglibatan Isi Rumah Dalam Penglibatan Pembangunan Fizikal Secara Langsung




Melalui rajah 4.4 di atas juga menerangkan bahawa penyelidikan ini juga mengkaji sejauhmana penglibatan ahli keluarga responden dalam pembangunan fizikal di Kuala Terengganu. Hasil penyelidikan mendapati bahawa bukan responden sahaja tidak terlibat bahkan ahli keluarga responden juga tidak terlibat dalam pembangunan fizikal ini. Seramai 165 responden iaitu 82 peratus memberikan jawapan bahawa tidak terdapat ahli keluarga mereka bekerja atau terlibat dalam membangunkan pembangunan fizikal di Kuala Terengganu. Namun hanya segelintir responden seramai 35 orang iaitu 18 peratus menyatakan terdapat ahli keluarga mereka bekerja dan terlibat dalam pembangunan ini. Sebagai contoh terdapat ahli keluarga mereka bekerja dalam bidang pentadbiran, sokongan dan pekerja am. Perkara ini dapat dijelaskan dengan lebih terperinci berdasarkan jadual dibawah.

Jadual 4.3 : Penglibatan Keluarga Dalam Pembangunan Fizikal Mengikut Bidang Pekerjaan Dan Projek

Bidang Pekerjaan Projek	Pakar dan Profesional	Pentadbiran dan Pengurusan	Sokongan	Pekerja Am
LTSM	1.5 %	0	2.5 %	1 %
MZA	0	0	1 %	0.5 %
TTI	1 %	0	0	0
KSN	1 %	0	0	0
PBT	0.5 %	0	0	0
APKM	0	0	0	0
PNT	0	0	1.5 %	0.5 %
Lain – lain	5.5 %	3.5 %	3 %	2.5 %

Berdasarkan jadual 4.3, dapat menerangkan dengan lebih jelas penglibatan keluarga responden dalam pembangunan fizikal mengikut bidang pekerjaan dan projek – projek di Kuala Terengganu. Projek LTSM mempunyai penglibatan ahli keluarga seramai 10 orang iaitu sebanyak 5 peratus sahaja, merujuk kepada responden dalam bidang pakar dan profesional hanya 3 orang ahli keluarga, bidang sokongan seramai 5 orang dan 2 orang ahli keluarga bagi bidang pekerja am . Namun begitu tiada penglibatan bagi ahli keluarga responden dalam projek APKM. Walaubagaimanapun, projek lain-lain mencatatkan penglibatan bilangan responden yang tinggi iaitu sebanyak 14.5 peratus iaitu seramai 29 ahli keluarga yang terlibat merangkumi 11 orang bagi bidang pakar dan profesional, 7 orang bagi bidang pentadbiran dan pengurusan, 6 dan 5 orang ahli keluarga bagi bidang sokongan dan pekerja am . Projek lain – lain yang melibatkan responden adalah seperti hospital, pejabat daerah, sekolah, Universiti Malaysia Terengganu, Universiti Darul Iman, KETENGAH, IPD dan sebagainya.

Rajah 4.5 : Kesan Pembangunan Secara Tidak Langsung Kepada Responden



Di dalam bahagian ini juga, penyelidikan terhadap kesan yang diperolehi oleh responden daripada pembangunan secara tidak langsung melibatkan wujudnya peluang pekerjaan, kemudahan infrastruktur, keselamatan, perkhidmatan pengangkutan, tahap kesihatan, pencemaran alam sekitar dan kesesakan trafik. Bagi responden yang menerima kesan secara langsung dari pembangunan fizikal cenderung untuk menjawab “ya” dan jika sebaliknya akan menjawab “tidak”.

Kesan wujud peluang perniagaan akibat daripada impak limpahan pembangunan fizikal telah diperakui oleh responden bahawa memang wujud kesan tersebut. Ramai responden mempersetujui seramai 145 orang berbanding 55 orang yang tidak bersetuju di mana limpahan pembangunan fizikal tidak memberi kesan peluang perniagaan kepada responden. Bagi kesan kedua ialah wujud kemudahan infrastruktur dengan adanya pembangunan fizikal telah menunjukkan bahawa responden menerima kesan kemudahan infrastruktur daripada pembangunan fizikal seramai 163 orang berbanding 18.5 peratus responden yang tidak bersetuju.

Responden juga menerima kesan keselamatan secara tidak langsung dari pembangunan iaitu semakin pesat pembangunan akan meningkatkan tahap keselamatan yang diberikan oleh pihak yang berkaitan. Seramai 104 orang iaitu 52 peratus bersetuju, namun terdapat hampir separuh responden iaitu 48 peratus responden tidak menerima kesan keselamatan secara tidak langsung.


Sehubungan dengan itu, terdapat kesan tidak langsung yang tidak diperolehi daripada responden iaitu kesan perkhidmatan pengangkutan dan kesihatan masing – masing mencatatkan seramai 103 dan 117 responden tidak menerima kesan tersebut dengan adanya pembangunan fizikal yang dilaksanakan.

Kesan seterusnya adalah kesan kadar jenayah, pencemaran dan kesesakan trafik. Ketiga – tiga kesan ini telah dipersetujui oleh responden hasil dari soal selidik bahawa mereka mendapat kesan tersebut iaitu dengan adanya pembangunan fizikal telah menyumbang dalam kadar jenayah, pencemaran dan kesesakan trafik. Sebanyak 65 peratus responden menerima kesan kadar jenayah, di ikuti oleh 57 peratus menerima kesan pencemaran dan majoriti responden iaitu seramai 141 orang menerima kesan kesesakan trafik daripada wujudnya pembangunan fizikal di Kuala Terengganu.

4.2.3 BAHAGIAN C: PENDAPAT MASYARAKAT TERHADAP PEMBANGUNAN FIZIKAL

Bahagian C dalam soal selidik lebih fokus berkenaan pendapat responden terhadap sumbangan yang dapat diberikan daripada pembangunan fizikal. Sumbangan yang tersenarai adalah wujudnya peluang pekerjaan terhadap penduduk setempat, berlaku pertumbuhan pesat di sekitar kawasan penempatan, kualiti kebersihan awam tidak terjejas daripada pembangunan tersebut, dapat meningkatkan pendapatan penduduk secara langsung atau tidak langsung, peningkatan tahap kesihatan, menyumbang peranan dalam mempertingkatkan kualiti pendidikan dan peluang peningkatan pendapatan lain penduduk.

Rajah 4.6 : Pendapat Masyarakat Terhadap Pembangunan Fizikal



Petunjuk: 5.Sangat bersetuju
4.Bersetuju
3.Kurang bersetuju
2.Tidak bersetuju
1.Sangat tidak bersetuju


Hasil daripada penyelidikan, rajah 4.6 menunjukkan bahawa responden bersetuju bahawa pembangunan memberikan sumbangan mewujudkan peluang pekerjaan terhadap penduduk setempat. Begitu juga kepada sumbangan yang diberikan dari segi penyumbang peranan dalam peningkatan kualiti pendidikan. Responden bersetuju dengan adanya pembangunan fizikal dapat mempertingkatkan kualiti pendidikan sebagai contoh terbinanya universiti di Kuala Terengganu seperti Universiti Malaysia Terengganu, Universiti Darul Iman, Kolej Terengganu Bestari, MARA dan sekolah – sekolah dapat mempertingkatkan kualiti pendidikan.

Namun begitu responden kurang bersetuju terhadap sumbangan pembangunan fizikal dari segi peningkatan tahap kesihatan dan kualiti kebersihan awam tidak terjejas daripada pembangunan. Responden berpendapat kurang bersetuju bahawa dengan adanya pembangunan fizikal dapat meningkatkan tahap kesihatan. Hal ini mungkin di sebabkan oleh terdapatnya faktor lain yang menyebabkan penyumbang kesihatan yang tidak baik walaupun terdapatnya pembangunan fizikal. Contoh seperti terdapatnya hospital dan klinik namun terdapat masalah kesihatan disebabkan oleh faktor lain. Begitu juga kepada pendapat responden bahawa kurang bersetuju kepada kualiti kebersihan awam tidak terjejas daripada pembangunan yang dijalankan. Ini kerana mereka berpendapat bahawa walaupun terdapatnya pembangunan fizikal, namun kualiti awam masih tidak dijaga contoh tandas awam, tempat rekreasi dan tempat hiburan.

Walaupun bagaimanapun responden bersetuju bahawa dengan adanya pembangunan fizikal dapat meningkatkan pendapatan penduduk, berlaku pertumbuhan pesat di sekitar kawasan pembangunan dan menyumbang peluang pekerjaan kepada penduduk setempat.

Secara keseluruhannya dapat dilihat bahawa pembangunan fizikal yang dijalankan dapat menyumbang kearah impak yang positif kepada responden dan ahli keluarga.

Rajah 4.7 : Keputusan Responden Terhadap Penerimaan Impak Limpahan Pembangunan Fizikal




Rajah 4.7 merupakan pengukur pembolehubah yang paling penting dalam penyelidikan ini untuk melihat adakah responden menerima limpahan daripada projek – projek pembinaan fizikal di Kuala Terengganu. Responden yang cenderung menjawab “ya” adalah responden yang menerima limpahan projek pembangunan fizikal dan jika responden menjawab “tidak” maka responden tidak menerima limpahan projek pembangunan fizikal.

Berdasarkan daripada rajah di atas menerangkan bahawa seramai 146 responden iaitu 73 peratus menjawab “ya” bermaksud responden menerima limpahan hasil daripada projek – projek pembangunan fizikal tersebut. Berbanding dengan responden yang menjawab “tidak” menunjukkan seramai 54 orang atau 27 peratus tidak menerima limpahan daripada pembangunan fizikal di Kuala Terengganu.

4.2.4 BAHAGIAN D : IMPAK PEMBANGUNAN FIZIKAL TERHADAP MASYARAKAT MENGIKUT PROJEK

Berdasarkan kepada bahagian D, penyelidikan merujuk kepada mengkaji impak pembangunan fizikal terhadap penduduk setempat mengikut projek. Antara impaknya merangkumi isu peningkatan masalah sosial, mewujudkan pencemaran, meningkatkan masalah kesesakan lalu lintas, meningkatkan masalah jenayah, mewujudkan masalah politik dan menyumbang masalah bencana alam. Semua impak diukur mengikut projek – projek yang besar iaitu LTSM, TTI dan KSN sama ada memberikan impak atau tidak.

Rajah 4.8 : Impak Pembangunan Fizikal Terhadap Masyarakat Bagi Projek Lapangan Terbang Sultan Mahmud




Petunjuk Skala: 0 = Tidak
1 = Ya
2 = Tidak Pasti

Berdasarkan kepada rajah 4.8, membuktikan bahawa kebanyakan responden iaitu 61 peratus menjawab “ya” bermaksud responden bersetuju bahawa pembangunan fizikal memberikan impak negatif kepada responden bagi projek LTSM. Ini dapat dibuktikan daripada rajah diatas dimana skala bagi setiap impak menunjukkan bahawa ramai responden menerima impak negatif. Hal ini kerana dapat dilihat dengan adanya LTSM telah meningkatkan masalah sosial dan jenayah seperti ragut, seks, melepak, mencuri dan sebagainya kerana tempat tersebut merupakan kawasan yang menjadi tumpuan penduduk setempat untuk beriadah dan berekreasi kerana berdekatan dengan pantai.

Selain itu, LTSM juga memberikan impak negatif iaitu masalah pencemaran bunyi terhadap penduduk setempat kerana penambahbaikan dengan memperluaskan landasan telah membawa masuk banyak kapal terbang mendarat di lapangan terbang tersebut. Projek LTSM juga telah menyebabkan impak masalah kesesakan lalu lintas kerana menjadi tumpuan masyarakat dan telah mewujudkan masalah politik dalam pelaksanaannya. Hal ini kerana sewaktu pembinaannya iaitu untuk menambak laut bagi memperbesarkan landasan terdapat isu perdebatan politik berkenaan projek tersebut untuk dilaksanakan. Impak utama adalah responden bersetuju bahawa projek LTSM penyumbang masalah bencana alam kepada penempatan. Ini kerana pada akhir tahun 2008 telah berlaku banjir besar di Kuala Terengganu kesan daripada penambakkan laut dan terdapat kesan hakisan di sepanjang pantai Tok Jembal. Masalah ini dalam jangka pendek telah dapat dilihat namun, pada jangka masa panjang kemungkinan besar akan menyumbang kepada masalah yang lebih besar.


Rajah 4.9 : Impak Pembangunan Fizikal Terhadap Masyarakat Bagi Projek Taman Tamadun Islam



Petunjuk Skala: 0 = Tidak
 1 = Ya
 2 = Tidak Pasti

